

HADIS Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim maksudnya : "Daripada Abu Amamah Al-Bahali berkata : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Bacalah oleh kamu Al-Quran kerana sesungguhnya Al-Quran itu akan datang pada Hari Kiamat memberi syafaat (pertolongan) kepada pembacanya".

## BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa  
Pg. Ibrahim  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 3 Mac. - Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan, lewat petang tadi.

Berkenan berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran berkenaan yang mengambil tempat di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan.**

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

>> Muka 3

## Memperkukuhkan sistem yang menyokong kehidupan lebih sihat

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma  
Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Mac. - Pada setiap 4 Mac, Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama komuniti global memperingati Hari Obesiti Sedunia. Tahun ini, tema Sambutan Hari Obesiti Sedunia adalah '8 Bilion Sebab Untuk Bertindak Terhadap Obesiti' yang menekankan cabaran global yang dipengaruhi oleh pelbagai sistem seperti persekitaran, sosioekonomi dan akses kesihatan serta memerlukan pendekatan menyeluruh melibatkan kerajaan dan masyarakat.

Obesiti bukan sekadar isu individu, malah memberi kesan besar kepada kesihatan, ekonomi, kesejahteraan sosial dan generasi akan datang. Oleh itu, tindakan bersepadu dan berterusan daripada semua pihak amat diperlukan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan demikian dalam perutusan bersempena Hari Obesiti Sedunia 2026.

>> Muka 5

## Majlis Penyerahan Wang Zakat

Oleh : Haniza Abdul Latif

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 3 Mac. - Bulan Ramadan sering dikaitkan dengan kewajipan umat Islam menunaikan zakat, sama ada Zakat Fitrah mahupun Zakat Harta.

Sehubungan itu, petang tadi diadakan Majlis Penyerahan Wang Zakat Penyimpan-penyimpan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) berjumlah BND3,727,697.49 yang diserahkan

oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan sebanyak BND40,225.39 daripada Syarikat Al-Bukhari Sendirian Berhad yang diserahkan oleh pengurus syarikat tersebut, Awang Fakhri Alam.

>> Muka 4

## Istiadat Pembukaan Rasmi MMN Ke-22, 12 Mac

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 3 Mac. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN untuk bermula pada Khamis, 22 Ramadan 1447 Hijrah bersamaan dengan 12 Mac 2026 Masihi bertempat di Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam.

Dimaklumkan juga bahawa Musim

Permesyuaratan Ke-22 MMN akan dimulakan dengan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN yang akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurniaan titah sebagai tanda bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN.


Istiadat Pembukaan Rasmi akan disiarkan secara langsung bermula pukul 10.40 pagi menerusi saluran media rasmi Radio Televisyen Brunei.

## Berita Utama



KERAJAAN Arab Saudi sumbang 720 kotak buah kurma

Muka 11



SEDEKAH membawa berkat, ganjaran pahala berlipat ganda

Muka 19



PRODUK kesihatan dicemari bahan terlarang

Muka 22



RENCANA

TINGKATKAN amalan membaca Al-Quran di bulan suci Ramadan

Muka 21



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Pelancaran NEXT Bahtera Maritime Sendirian Berhad di Pelabuhan Muara, Muara Port Company pada 2 Februari 2026.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

NI merupakan satu penghormatan besar bagi saya untuk bersama-sama awda pada hari ini sempena pelancaran rasmi NEXT Bahtera Maritime Sendirian Berhad.

Majlis ini bukan sekadar perasmian sebuah syarikat baharu; malah ia turut menandakan komitmen teguh Negara

## NEXT Bahtera Maritime perkukuh peranan Brunei dalam rangkaian perdagangan ASEAN

Brunei Darussalam (NBD) terhadap kepelbagaian ekonomi, inovasi dan keterhubungan global.

Wawasan negara kita, Wawasan Brunei 2035, berperanan sebagai panduan utama. Ia menyeru kepada pembentukan sebuah ekonomi yang dinamik dan mampan, serta berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat global.

Penubuhan usaha sama ini antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi menerusi Dana Modal Pembangunan Strategik dan Network Cross Trade Line Limited merupakan contoh jelas bagaimana Pelabuhan Langsung Asing dapat dimanfaatkan bagi merapatkan aspirasi tempatan dengan kepakaran global.

Perkapalan merupakan nadi kepada perdagangan global. Ia adalah jambatan antara pengeluar dan pengguna, serta saluran yang membolehkan peluang mengalir. Bagi NBD, yang terletak strategik di tengah-tengah Asia Tenggara, keterhubungan maritim bukanlah satu pilihan, ia merupakan satu keperluan strategik.

Dengan mengendalikan kapal Pure Car and Truck Carrier (PCTC) yang khusus, NEXT Bahtera Maritime bukan sekadar mengangkut kargo; malah ia memperkukuh peranan NBD dalam sub-rantau

BIMP-EAGA serta komuniti ASEAN yang lebih luas. Laluan perkhidmatan ini, yang menghubungkan Republik Rakyat China, Korea, Republik Filipina, Republik Indonesia dan Malaysia secara langsung dengan NBD, telah mengintegrasikan pasaran kita dengan cara yang belum pernah berlaku sebelum ini.

Hubungan baharu ini menyusuli ketibaan sulung baru-baru ini oleh Shandong International Transportation Corporation (SITC) dan Warisan Shipping Line pada bulan lalu. Secara bersama, perkembangan ini telah mentransformasikan Pelabuhan Muara daripada sekadar destinasi kepada sebuah hab pemindahan (*transshipment*) serantau.

Kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dan perniagaan tempatan, izinkan saya menyampaikan perkara ini : keterhubungan yang boleh dipercayai melahirkan keyakinan.

Dengan pemilikan aset secara langsung oleh NEXT Bahtera Maritime, kita menjangkakan peningkatan kekerapan perkhidmatan serta daya saing harga yang lebih baik.

Ini membolehkan perniagaan tempatan kita memandang melangkaui sempadan negara, dengan keyakinan bahawa mereka mempunyai rakan kongsi yang boleh dipercayai untuk membawa produk mereka ke pentas dunia.

Nilai sesebuah wawasan diukur melalui keberkesanan pelaksanaannya.

Oleh itu, saya amat berbesar hati untuk mengetahui bahawa NEXT Bahtera Maritime telah pun membuktikan keupayaannya dengan kejayaan penghantaran sebanyak 833 kargo sejak tahun 2024, dengan 108 kargo lagi dijangka pada bulan ini sahaja. Angka-angka ini bukan sekadar statistik; ia melambangkan pergerakan perdagangan yang nyata serta penguatan asas ekonomi negara kita.

Kepada pihak berkepentingan, lembaga pengarah dan pasukan pengurusan, keberanian dan keteguhan awda telah membawa kita ke detik ini. Saya mengucapkan terima kasih kerana memainkan peranan penting dalam aliran perdagangan global melalui keandalan dan semangat keusahawanan yang teguh.













Semasa kita menyaksikan kapal PCTC berlabuh di luar, ia menggambarkan kemajuan yang telah dicapai serta menjadi jambatan kita ke pentas dunia. Kapal ini melambangkan janji kepada hubungan yang lebih kukuh, kerjasama yang lebih mendalam, dan masa depan yang lebih sejahtera untuk semua.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran rasmi NEXT Bahtera Maritime Sdn. Bhd.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	RABU	14	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
5	KHAMIS	15	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
6	JUMAAT	16	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
7	SABTU	17	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
8	AHAD	18	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	ISNIN	19	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	SELASA	20	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C 	30 24 °C 	31 24 °C 	
Pekan Bangar 32 25 °C 	30 24 °C 	31 24 °C 	
Pekan Tutong 32 25 °C 	30 24 °C 	31 24 °C 	
Kuala Belait 32 25 °C 	30 24 °C 	31 24 °C 	

Wallahuacum Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 4 MAC 2026

### Gerhana, memperlihatkan keagungan, kebesaran Allah

FENOMENA langit sentiasa menjadi antara perkara yang paling mengujakan manusia sejak zaman dahulu. Sama ada kemunculan komet, hujan meteor atau kejadian gerhana, setiap satunya membawa keagungan tersendiri.

Antara fenomena astronomi yang paling menarik perhatian adalah Gerhana Bulan dan Gerhana Matahari. Kedua-dua fenomena ini bukan sahaja indah untuk disaksikan, malah mempunyai nilai saintifik yang besar serta sejarah panjang dalam kehidupan manusia.

Gerhana Bulan berlaku apabila bumi berada tepat di antara matahari dan bulan. Cahaya matahari yang sepatutnya jatuh ke permukaan bulan akan terhalang oleh bumi, menyebabkan bulan kelihatan lebih gelap, samar atau berwarna merah.

Gerhana Bulan hanya berlaku ketika bulan penuh (*full moon*), iaitu ketika bulan berada di seberang matahari berbanding dengan bumi. Walau bagaimanapun, tidak setiap bulan penuh menghasilkan gerhana kerana kedudukan orbit bulan yang sedikit condong.

Paling menarik, Gerhana Bulan tidak memerlukan alat perlindungan mata kerana ia selamat dilihat dengan mata kasar malah Gerhana Bulan boleh berlangsung selama beberapa jam, bergantung kepada kedudukan bulan dan juga bumi. Gerhana Bulan memperlihatkan dan mengingatkan kita kepada kehebatan alam semesta di mana Gerhana Bulan berlaku apabila bumi menghalang cahaya matahari daripada mengenai bulan.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), orang ramai akan berpeluang menyaksikan fenomena Gerhana Bulan Penuh atau dikenali sebagai Bulan Berdarah atau 'Blood Moon', pada malam Selasa, 3 Mac 2026. Fenomena ini berlaku apabila bulan melintasi bayang-bayang bumi dan bertukar menjadi warna merah gelap.

Fenomena astronomi ini akan kelihatan pada waktu petang di seluruh Australia dan Asia Timur termasuk NBD, waktu malam di seluruh Pasifik, serta waktu Subuh di Amerika Utara, Amerika Tengah dan bahagian Barat Amerika Selatan. Walau bagaimanapun, penduduk di Afrika dan Eropah tidak akan dapat melihat sebarang fasa gerhana ini.

Peristiwa falak yang jarang berlaku ini amat signifikan kerana ia beriringan di bulan Ramadan. Ia juga merupakan Gerhana Bulan penuh terakhir sebelum fenomena seterusnya yang dapat dilihat dari NBD pada 31 Disember 2028-1 Januari 2029. Gerhana Bulan Penuh yang kembali bertepatan dengan Ramadan tidak akan berlaku dalam masa terdekat. Fenomena berikutnya hanya dijangka pada 7 Julai 2047, bersamaan jarak masa 21 tahun dari sekarang.

Gerhana merupakan suatu kejadian memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang berlaku pada matahari dan bulan sebagai tanda atau bukti kekuasaanNya sepertimana terjadinya siang dan malam.

Apabila berlakunya gerhana, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umat Islam supaya melakukan perkara-perkara yang berkebaikan seperti berdoa, berzikir, bersembahyang, bersedekah dan beristighfar. Berikutan fenomena tersebut, seluruh masjid, surau dan balai ibadat di NBD telah mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan. – **Ketua Penyunting (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran



Oleh : Pg. Vivy Malessa  
Pg. Ibrahim  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Khatam dan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat. Majlis selanjutnya diteruskan lagi dengan Majlis Berbuka Puasa dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Juga hadir pada majlis tersebut, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim; para jemputan, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta Guru-guru Sekolah YSHHB.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Berbuka Puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah (bawah dan kiri). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menadah tangan ketika doa dibacakan.

>> Muka 1

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan

binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Takhtim Al-Quran dipimpin oleh

Pegawai YSHHB, Awang Ahmad Rithaudin bin Haji Sabtu. Bagi Majlis Khatam Al-Quran ini, seramai 30 pegawai dan kakitangan YSHHB telah mengkhataamkan bacaan

Al-Quran masing-masing.

Majlis diteruskan dengan Doa



SEBAHAGIAN daripada jemaah lelaki dan jemaah perempuan yang hadir sama pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan (kiri dan kiri sekali).

## KKBS SEMARAKKAN RAMADAN DENGAN TADARUS AL-QURAN



**YANG** Berhormat Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Bertadarus di Surau Istana Nurul Iman (kiri). Manakala gambar bawah kiri, hadir sama, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS di ruangan jemaah perempuan.

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid bersama rombongan di ruangan jemaah lelaki.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Manakala di ruangan jemaah perempuan, hadir sama ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Di Surau Istana Nurul Iman seramai 490 warga kementerian dan jabatan di bawahnya telah memenuhi ruangan lelaki, manakala 210 pegawai dan kakitangan wanita menghadiri majlis di ruangan jemaah perempuan.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu lsyak Berjemaah, diikuti Sembahyang Sunat Gerhana dan seterusnya Khutbah Gerhana yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran bin Haji Kunchang dan diteruskan lagi dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan Sembahyang Sunat Witir.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi tazkirah serta bacaan Tadarus Al-Quran sebelum ditutup dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Manakala di ruangan wanita, tazkirah telah disampaikan oleh

Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah 'Aqilah Mukarramah binti Haji Salleh.

Dalam tazkirahnya, beliau menekankan bahawa berdoa dengan menyebut Asmaul Husna merupakan antara cara terbaik bagi seorang Muslim dalam memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurut beliau, sama ada ketika mengharap keampunan, memohon perlindungan daripada bala mahupun menzahirkan rasa takut dan pengharapan kepada-Nya, bertawassul dengan nama-nama Allah adalah amalan yang dibenarkan serta sangat digalakkan dalam Islam.

Beliau turut menguraikan salah satu Asmaul Husna, iaitu At-Tawwab yang bermaksud Allah Yang Maha Menerima Taubat, mengampunkan dosa-dosa hamba-Nya, memberi taufik untuk bertaubat serta memudahkan hamba-Nya kembali kepada-Nya.

Tambahnya, memahami dan menghayati nama-nama Allah mampu meningkatkan kualiti diri seorang mukmin sekurang-kurangnya daripada tiga aspek penting iaitu akidah, ibadah dan tasawuf (penyucian jiwa serta akhlak).

Dari sudut akidah, jelasnya, mengenali sifat-sifat Allah akan mengukuhkan keyakinan terhadap kebesaran dan kekuasaan-Nya, manakala dari sudut ibadah, ia meningkatkan kualiti pengabdian kerana setiap amalan dilakukan dengan penuh kesedaran bahawa Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat.

Beliau menambah, apabila seseorang benar-benar meyakini bahawa Allah sentiasa memerhati

setiap perbuatan dan lintasan hati, maka dia akan lebih berhati-hati dalam menjaga lidah, anggota dan tingkah laku daripada perkara yang tidak diredai Allah.

Selain itu, penghayatan terhadap Asmaul Husna juga membentuk jiwa yang lebih bersih serta berakhlak mulia. Seorang mukmin akan berasa malu melakukan dosa dan terdorong menggunakan setiap nikmat yang dikurniakan Allah ke arah perkara yang diredai-Nya.

Tazkirah tersebut turut menekankan bahawa Ramadan bukan sekadar bulan menahan lapar dan dahaga, bahkan merupakan bulan untuk kembali kepada Allah.

Antara nama Allah yang sangat berkait rapat dengan bulan yang mulia ini ialah At-Tawwab, yang menggambarkan luasnya kasih sayang Allah kerana Dia sentiasa membuka pintu taubat siang dan malam selagi nyawa belum sampai ke halkum.

Allah menerima taubat walaupun dosa yang dilakukan besar, selagi mana disertai keikhlasan, penyesalan serta tekad untuk tidak mengulangnya.

Bahkan, Allah sendiri memberi ilham kepada hamba-Nya untuk bertaubat, dan itu merupakan sebahagian daripada rahmat-Nya.

Dijelaskan juga bahawa Allah memberi peluang berkali-kali kepada hamba-Nya untuk kembali walaupun hamba tersebut berulang kali melakukan kesalahan.

Majlis berkenaan mencerminkan komitmen berterusan warga KKBS dalam mengimarahkan bulan Ramadan dengan pengisian rohani serta memperkukuh ukhuwah dalam kalangan pegawai dan kakitangan kementerian.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Siti Rokiah Abdullah


**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 3 Mac. - Seramai 700 warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengimarahkan Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan

bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang telah diadakan malam tadi bertempat di Surau Istana Nurul Iman.

Majlis tersebut dihadiri oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat



# MAJLIS PENYERAHAN WANG ZAKAT



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa menerima zakat-zakat tersebut (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**>> Muka 1**

Kesemua zakat tersebut diserahkan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka

Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Majlis Penyerahan diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada tahun 2025, MUIB melalui Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal telah mengutip Zakat Harta berjumlah

BND20,371,761.48.

Setiap tahun, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mengagihkan hasil kutipan zakat melalui pelbagai skim agihan antaranya, bantuan wang bagi keperluan asasi, bantuan persekolahan, bayaran sewa

rumah, penyediaan modal perniagaan, pembiayaan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), serta pembinaan dan pembaikan rumah untuk golongan daif, fakir dan miskin.

Umat Islam di negara ini diseru agar menunaikan kewajipan berzakat apabila telah cukup nisab dan haul.

Di samping memenuhi tanggungjawab sebagai seorang Muslim, zakat juga merupakan tanggungjawab sosial dalam usaha bersama membantu golongan yang memerlukan, khususnya asnaf fakir dan miskin di Negara Brunei Darussalam.

## Kementerian Kewangan dan Ekonomi adakan Majlis Khatam Al-Quran



**YANG** Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 3 Mac. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi pegawai-pegawai dan

kakitangannya bersempena Bulan Ramadan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri (JPM), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

(Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, ketua-ketua jabatan dan bahagian berserta pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Acara dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan bacaan Surah-surah Al-Quran, diikuti Takhtim Khatam Al-Quran dan juga Dikir Marhaban.

Setelah itu, penyerahan sumbangan wang tunai dan barangan wakaf berupa kerusi

diduduki, kerusi sejadah dan *first aid box* bagi kegunaan masjid yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kepada pihak masjid berkenaan.

Majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran. Majlis Khatam pada tahun ini telah diselenggarakan oleh Jabatan Perbendaharaan, MOFE.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan MOFE pada setiap tahun di bulan Ramadan dalam mengeratkan silaturahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan dan sambil meraih pahala lebih-lebih lagi untuk mendapatkan keredaan serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

# Zakat

Fitrah

BAGI TAHUN 1447H  
BERSAMAAN 2026M

Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di Negara ini ialah 2 Kilo 268 Gram atau dengan nilai wang seperti berikut:

Beras Wangi :  
**\$ 2.84**

Beras Siam :  
**\$ 1.93**

RUJUKAN: SURAT PEMBERITAHUAN MAJLIS UGAMA ISLAM BI: 2/2026

### WAKTU MEMBAYAR

- ✔ Waktu Harus: Sejak dari awal bulan Ramadhan
- ✔ Waktu Sunat: Selepas sembahyang Subuh sehingga mendirikan sembahyang Hari Raya
- ✔ Waktu Wajib: Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadhan
- ✔ Waktu Makruh: Selepas sembahyang matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qadha kerana dikeluarkan di luar waktu.
- ✔ Waktu Haram: Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama.

### TEMPAT MEMBAYAR

- ✔ Kaunter Perkhidmatan JUZWAB
- ✔ Amil-Amil yang Dilantik Seluruh Negara
- ✔ Secara atas Talian melalui:
  - DST E-Zakat
  - BIBD
  - TAIB
  - PROGRESIF
  - IMAGINE

Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal  
Kementerian Hal Ehwal Ugama / Negara Brunei Darussalam

www.mora.gov.bn | juzwab\_kheu | juzwab

# Memperkukuhkan sistem yang menyokong kehidupan lebih sihat

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma  
Pg. Haji Ali  
Foto : Kementerian Kesihatan

## >> Muka 1

Kongsi Yang Berhormat Menteri Kesihatan, di NBD, dapatan daripada Global School-based Student Health Survey (GSHS) 2019 menunjukkan bahawa dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun, sebanyak 18.1 peratus adalah obes, manakala 35.6 peratus mempunyai berat badan berlebihan.

"Angka ini amat membimbangkan kerana berat badan berlebihan semasa kanak-kanak dan remaja meningkatkan risiko obesiti serta Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) apabila dewasa. Data terkini daripada National STEPS Survey 2022-2023 turut mengesahkan bahawa prevalens berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan orang dewasa di NBD masih berada pada tahap yang tinggi.

"Dengan kadar obesiti sebanyak 32.4 peratus, NBD kini mencatatkan kadar obesiti tertinggi di rantau ASEAN. Dua daripada tiga orang dewasa mengalami masalah berat badan berlebihan atau *overweight* dan satu daripada tiga orang dewasa hidup dengan obesiti.

"Penemuan kaji selidik ini menunjukkan bahawa penduduk negara ini masih terdedah kepada corak pemakanan tidak sihat, kurang aktiviti fizikal serta faktor risiko berkaitan dengan gaya hidup yang lain," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan obesiti merupakan faktor risiko utama bagi NCD termasuk diabetes jenis 2, penyakit kardiovaskular, hipertensi atau tekanan darah tinggi, strok dan beberapa jenis kanser yang kekal sebagai antara penyebab utama morbiditi dan mortaliti di negara ini.

Selain kesan terhadap kesihatan tambahan, obesiti juga memberi tekanan yang besar kepada sumber penjagaan kesihatan serta menjejaskan kualiti hidup individu.

Ujar Yang Berhormat lagi, menyedari kompleksiti isu obesiti, Kementerian Kesihatan telah memperkukuhkan pendekatan berasaskan sistem melalui penubuhan Jawatankuasa Pandu Obesiti di bawah Kementerian Kesihatan pada tahun 2024, yang berperanan sebagai platform bagi penyelarasan dasar, pelaksanaan program dan memastikan penglibatan pihak berkepentingan daripada pelbagai sektor.

Pada masa yang sama, jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga sedang bekerjasama rapat dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam membangunkan strategi komprehensif Kementerian Kesihatan bagi pencegahan dan pengurusan obesiti.

"Strategi ini bertujuan untuk memperkukuhkan usaha pencegahan sepanjang kitaran hayat, di samping memastikan akses yang saksama kepada perkhidmatan rawatan obesiti yang berasaskan bukti," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkongsi pada awal tahun ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama WHO telah melaksanakan Training of Trainers on the Obesity Chronic Care Programme, yang pertama seumpamanya di peringkat global.

Program ini, terangnya, memberi tumpuan kepada pengintegrasian penjagaan obesiti dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan asas. WHO juga telah memilih Kementerian Kesihatan NBD untuk menjadi negara perintis bagi pelaksanaan bengkel latihan yang dihasilkan secara bersama ini.

Tambah Yang Berhormat lagi, latihan ini telah meningkatkan keupayaan profesional kesihatan tempatan, khususnya barisan hadapan dan pegawai perubatan, dalam pengurusan obesiti secara menyeluruh, bersepadu dan berterusan.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan antara inisiatif lain yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi pencegahan dan pengurusan obesiti termasuk Perlaksanaan Program Sekolah Mempromosi Kesihatan (Health Promoting School GLOW) melalui Pusat Promosi Kesihatan dengan kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan.

Ia dilaksanakan di beberapa buah sekolah kerajaan dan bukan kerajaan, dengan tujuan untuk memperkasa sekolah-sekolah dalam melaksanakan program promosi kesihatan yang komprehensif, termasuk menyediakan Dasar Pemakanan Sihat di sekolah bagi menggalakkan persekitaran pemakanan sihat dan juga mendorong perlaksanaan aktiviti fizikal dalam kalangan penuntut, guru-guru dan kakitangan sekolah.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, pelaksanaan Program Cara Hidup Sihat (PCHS) melalui Pusat Promosi Kesihatan, iaitu satu program penurunan berat badan yang dijalankan selama enam bulan, termasuk menyediakan taklimat pemakanan, demonstrasi memasak, Health Grocery Tour,

sesi senaman dan juga taklimat kesihatan mental.

Bagi kohort pertama, seramai 38.6 peratus peserta telah berjaya menurunkan lebih daripada 5 peratus berat badan, di mana 6.8 peratus peserta berjaya menurunkan lebih daripada 10 peratus berat badan.

Kementerian Kesihatan, kongsi Yang Berhormat lagi juga ada menyediakan perkhidmatan Klinik Obesiti (bagi orang dewasa) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) melalui rujukan dari pusat-pusat kesihatan berdekatan. Klinik tersebut menyediakan perkhidmatan pengurusan berat badan yang komprehensif dan multidisiplin, termasuk memberikan farmakoterapi dengan penekanan kepada pemakanan yang seimbang, aktiviti fizikal melalui preskripsi senaman dan kesejahteraan mental.

Ditubuhkan pada tahun 2006, Klinik Obesiti di Hospital RIPAS merupakan penyedia utama perkhidmatan pengurusan berat badan peringkat tertiar bagi orang dewasa di NBD.

"Melalui sistem rujukan, klinik ini menawarkan pendekatan multidisiplin yang menggabungkan kaunseling pemakanan, program senaman yang disesuaikan, sokongan kesejahteraan mental, farmakoterapi serta penilaian oleh pakar endokrinologi terhadap komplikasi metabolik.

"Audit perkhidmatan Klinik Obesiti pada tahun 2024 menunjukkan beban obesiti teruk dan risiko kardiovaskular yang tinggi dalam kalangan pesakit, dengan komplikasi yang lazim termasuk hipertensi (63.3 peratus), dislipidemia (55.1 peratus), serta diabetes atau radiabetes (46.8 peratus).

"Klinik ini telah membuktikan keberkesanannya dalam menangani cabaran tersebut: 46.2 peratus pesakit berjaya menurunkan berat badan melalui pendidikan sahaja, 55 peratus berjaya menurunkan lebih daripada 5 peratus berat badan dan 23.3 peratus berjaya menurunkan lebih daripada 10 peratus berat badan mereka. Dapatan ini menekankan impak klinik tersebut serta kepentingan pelaburan berterusan dalam penjagaan obesiti yang berstruktur dan berasaskan pendekatan multidisiplin," terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, Perkhidmatan Kesihatan Sekolah akan secara proaktif mengintegrasikan inisiatif saringan dan pengurusan berat badan yang komprehensif, mencerminkan komitmen

kerajaan dalam melindungi kesihatan dan kesejahteraan generasi masa hadapan.

Usaha-usaha lain tambahnya turut dipergiatkan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk di tempat kerja, komuniti dan kementerian-kementerian lain bagi mewujudkan persekitaran makanan yang lebih sihat, menggalakkan aktiviti fizikal serta menyokong amalan gaya hidup sihat sepanjang kitaran hayat.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat, dasar dan program sahaja adalah tidak mencukupi. Setiap individu mempunyai peranan sebagai ibu bapa, pendidik, majikan, pemimpin komuniti dan anggota masyarakat dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong pilihan yang lebih sihat agar menjadi lebih mudah dan dapat diakses oleh semua.

"Sempena Hari Obesiti Sedunia ini, Kementerian Kesihatan menyeru semua pihak untuk memperbaharui komitmen bersama dalam mempromosikan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat, menggalakkan aktiviti fizikal, menyokong kanak-kanak dan remaja dalam mengamalkan tabiat sihat sepanjang hayat serta mengurangkan stigma dan memupuk sokongan kepada individu yang menghadapi obesiti.

"Marilah kita bersama-sama memperkukuhkan sistem yang menyokong kehidupan yang lebih sihat untuk semua, dan seterusnya membentuk masa depan yang lebih sihat bagi NBD," ujar Yang Berhormat.



## MTIC BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya pagi tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil yang berlangsung di

Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara

Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir mengetuai rombongan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Mohammad Hatral  
Hazmi Awang Abdul Hamid

Pengiran Dato Seri Setia Shambahry bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan seterusnya Tahlil beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba, Awang Mohammad Adham bin Hashim.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan MTIC serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis antara lain merupakan aktiviti keagamaan tahunan yang dikendalikan oleh MTIC bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan Al-Mubarak serta memohon keberkatan dan ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

# KEPENTINGAN KESIHATAN PENDENGARAN ASAS KESEJAHTERAAN, PEMBELAJARAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 3 Mac. - Setiap tahun pada 3 Mac, seluruh masyarakat dunia termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) bersatu dalam satu tujuan yang sama iaitu untuk mengangkat kepentingan kesihatan pendengaran sebagai asas kesejahteraan insan.

Hari Pendengaran Sedunia juga menekankan bahawa keupayaan untuk mendengar adalah asas kepada komunikasi, pembelajaran dan penyertaan penuh dalam kehidupan bermasyarakat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan demikian dalam perutusan bersempena Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2026.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, pada tahun ini, tema Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2026 memberikan tumpuan khusus kepada kanak-kanak (generasi masa depan negara) iaitu 'From communities to classrooms: hearing care for all children'.

Tema ini, tambah Yang Berhormat, mengingatkan kita bahawa penjagaan pendengaran tidak boleh terhad kepada klinik dan hospital sahaja tetapi ia mestilah bermula dari rumah dan diperkukuh di peringkat komuniti dengan sokongan oleh sistem kesihatan dan seterusnya dipastikan keberkesanannya di bilik darjah.

"Pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu inilah yang akan memastikan tidak ada kanak-kanak yang tercicir hanya kerana masalah pendengaran yang tidak dikesan dengan lebih awal," jelas Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat lagi, di peringkat global, dianggarkan seramai 90 juta kanak-kanak dan remaja hidup dengan masalah kurang pendengaran.

Sebahagian besar, tambah Yang Berhormat lagi, iaitu 60 peratus daripada keadaan ini sebenarnya boleh dicegah melalui langkah kesihatan awam yang mudah dan

berkesan dari segi kos seperti mendapatkan imunisasi, pengurusan jangkitan telinga, amalan penjagaan telinga yang selamat serta perlindungan daripada bunyi bising yang berbahaya.

"Bagi seorang kanak-kanak, kelambatan dalam pengesanan masalah pendengaran bukan sekadar isu perubatan, tetapi ia boleh memberi kesan kepada perkembangan bahasa, pencapaian akademik, keyakinan diri dan seterusnya peluang masa depan mereka.

"Justeru, pengenpastian awal dan intervensi tepat pada masanya bukanlah satu pilihan tetapi ia adalah satu keperluan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan di NBD, data yang diperoleh daripada Unit Audiologi menunjukkan bahawa jumlah kanak-kanak berumur antara 0 hingga 5 tahun yang dikenal pasti mengalami masalah kurang pendengaran telah mencatatkan peningkatan yang ketara dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Peningkatan tersebut tambahnya adalah sebanyak 127 peratus, iaitu daripada 88 orang kanak-kanak pada tahun 2019 kepada 200 orang kanak-kanak pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, meskipun bilangan kanak-kanak yang didiagnosis dengan masalah kurang pendengaran adalah tinggi, tidak semuanya melibatkan kehilangan pendengaran jenis kekal.

"Terdapat sebahagian kanak-kanak yang menunjukkan pemulihan pendengaran dari semasa ke semasa, sama ada secara semula jadi, melalui rawatan perubatan atau intervensi pembedahan.

"Bagi kanak-kanak yang didiagnosis dengan kehilangan pendengaran jenis kekal dan dikenal pasti berpotensi mendapat manfaat daripada penggunaan alat bantu pendengaran, peralatan tersebut akan dibekalkan secara percuma dengan serta-merta oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sejak tahun 2019 hingga 2024, sebanyak 257 unit alat bantu pendengaran telah dibekalkan kepada kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, NBD telah melangkah ke hadapan dengan melaksanakan liputan seagat Program Saringan Pendengaran Anak Damit sejak Ogos 2023.

Melalui program ini, jelas Yang Berhormat, setiap anak damit berpeluang untuk menjalani saringan seawal tempoh neonatal iaitu di dalam fasa perkembangan yang paling kritikal bagi membolehkan rujukan, diagnosis dan intervensi dilaksanakan dengan segera, sekali gus mengurangkan risiko kesan jangka panjang terhadap perkembangan kanak-kanak.

Kongsi Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan juga telah mencatat satu pencapaian klinikal yang signifikan melalui kejayaan pembedahan implan koklea secara bilateral kepada seorang anak damit berusia 6 bulan, menjadikan NBD antara negara terawal di rantau ini yang melaksanakan intervensi tersebut pada usia yang sangat muda.

Kejayaan ini, jelasnya, bukan sekadar pencapaian teknikal tetapi simbol komitmen negara untuk memberikan peluang terbaik kepada setiap kanak-kanak.

"Bagi memastikan pengesanan pendengaran tidak terhenti di peringkat kelahiran sahaja, Perkhidmatan Kesihatan Sekolah dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan juga melaksanakan ujian saringan pendengaran secara berkala sebagai sebahagian daripada penilaian kesihatan rutin murid di sekolah-sekolah.

"Pengintegrasian saringan sistematik dan program intervensi awal dalam pelan kesihatan kanak-kanak dan kesihatan sekolah adalah penting bagi memastikan hasil yang lebih baik bagi kanak-kanak yang hidup dengan masalah telinga atau



kurang pendengaran serta menyokong pembelajaran yang inklusif dan berkesan," terang Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat, kajian antarabangsa jelas menunjukkan bahawa intervensi awal bukan sahaja memberi manfaat klinikal, malah berkesan dari segi kos dalam jangka masa yang panjang.

Pelaburan dalam saringan dan intervensi awal, tambah Yang Berhormat, mengurangkan keperluan sokongan pendidikan khas yang berpanjangan, meningkatkan keupayaan komunikasi dan pembelajaran, serta menyumbang kepada hasil sosioekonomi yang lebih baik sepanjang hayat. Hal ini adalah selaras dengan strategi kesihatan awam berasaskan pencegahan serta prinsip penjagaan kesihatan

berasaskan nilai (*value-based healthcare*).

Sempena Hari Pendengaran Sedunia 2026 ini, Yang Berhormat menyatakan Kementerian Kesihatan menggalakkan penglibatan berterusan daripada ibu bapa, penjaga, pendidik dan komuniti dalam menyokong penjagaan kesihatan pendengaran kerana setiap kanak-kanak berhak untuk mendengar, setiap kanak-kanak berhak untuk belajar dan setiap kanak-kanak berhak untuk mencapai potensi sepenuhnya.

"Marilah kita sama-sama memastikan bahawa daripada komuniti hingga ke bilik darjah, penjagaan pendengaran untuk semua kanak-kanak bukan sekadar aspirasi tetapi satu realiti," ujar Yang Berhormat.

## Gerhana tanda keagungan, kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 3 Mac. - Gerhana merupakan suatu kejadian yang memperlihatkan keagungan dan

kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang berlaku pada matahari dan bulan sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya,

**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama** hadir selaku tetamu khas.

sebagaimana terjadinya siang dan malam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umat Islam agar memperbanyakkan amalan kebajikan seperti menunaikan sembahyang, berdoa, berzikir, bersedekah dan beristighfar apabila berlakunya gerhana.

Perkara tersebut antara inti pati Khutbah Khas yang disampaikan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat sempena fenomena Gerhana Bulan yang berlaku pada malam tadi.

Menurut Khatib lagi, apabila berlakunya gerhana, umat Islam hendaklah menjadikannya sebagai iktibar dan pengajaran untuk

meningkatkan kesedaran diri agar sentiasa mengingati kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon ampun kepada-Nya dan bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan.

Berikutan fenomena Gerhana Bulan, masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan pada malam tadi dengan melakukan Sembahyang Sunat Gerhana sebanyak dua rakaat iaitu dua rukuk dan dua qiam (berdiri) dengan tidak dipanjangkan bacaan pada keduanya.

Di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Sembahyang Sunat Gerhana Bulan Berjemaah telah diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Mohamad Hasnal bin Haji Mohamad.

Hadir selaku tetamu khas ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji

**KHUTBAH Khas** disampaikan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar serta para pegawai kanan dan kakitangan KHEU dan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan; serta para jemaah dan penduduk yang tinggal di sekitarnya.

Majlis kemudian diteruskan dengan Sembahyang Sunat Tarawih, diikuti Sembahyang Sunat Witir serta Tadarus Al-Quran.



# KHEDN TERUSKAN ROMBONGAN TADARUS AL-QURAN



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan kanan).

**Oleh :** Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
**Foto :** Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**LUMUT,** Isnin, 2 Mac. - Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Daerah Belait

berlangsung di Masjid Zainab, Lumut, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir pada majlis tersebut



ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu mukim dan ketua kampung, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung Daerah Belait berserta penduduk kampung sekitarnya.

Majlis dimulai dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim dari Mukim Liang dan wakaf yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Tadarus Al-Quran yang dimulakan oleh Yang Berhormat.

Acara disudahi dengan bacaan

Tahlil serta Doa Selamat yang dikepalai oleh Imam Masjid Zainab Lumut, Awang Soffian bin Bidin.

Antara lain, majlis ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang erat dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pemimpin akar umbi serta menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.

## Kementerian Pendidikan semarakkan Majlis Bertadarus di Istana Nurul Iman



**ANTARA** yang hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan; Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 2 Mac. - Hidupkan bulan Ramadan dengan Asmaul Husna dengan memperkasa 'Ar-Razzaq' (Yang Maha Pemberi Rezeki) telah menjadi tajuk utama dalam sesi tazkirah bagi sama-sama menyemarakkan lagi Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di dua ruangan berasingan di Istana Nurul Iman, yang diadakan bagi malam ke-12.

Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Siti Aisyah binti Salim semasa menyampaikan tazkirah di ruangan jemaah perempuan, di sini, antaranya menerangkan bahawa 'Ar-Razzaq' menunjukkan akan sifat memberi rezeki dan ia termasuk dalam bahagian Asmaul Husna yang menunjukkan akan sifat Fi'liyyah.

Beliau juga menambah rezeki berkenaan adalah apa yang memberi manfaat dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Rezeki merangkumi waktu, iman, kedua-dua ibu bapa, sahabat, pasangan hidup, anak yang soleh dan solehah, harta, makanan,

minuman, pakaian dan sebagainya.

Jelasnya lagi, Allah Subhanahu Wata'ala menjamin rezeki semua hamba-hamba-Nya termasuklah makhluk yang lain seperti binatang-binatang.

Dayang Siti Aisyah turut menjelaskan makna 'Ar-Razzaq' berkenaan bermaksud Allah Subhanahu Wata'ala adalah sebab wujudnya sebuah kehidupan dan pembuka rezeki, dengan sebab Allah Subhanahu Wata'ala juga mempengaruhi kebahagiaan dalam diri manusia.

Dalam sesi tazkirah berkenaan, beliau turut menekankan peringatan bersama bahawa matlamat utama bagi seorang Muslim adalah menggapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, tetapi hal berkenaan tidak akan dapat direalisasikan tanpa ilmu, kerana ilmu adalah syarat pertama sebelum sesuatu amalan itu dikerjakan.

"Manakala, ilmu yang paling utama dan mulia adalah ilmu mengenali Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengenali Asmaul Husna, iaitu nama-nama Allah Subhanahu Wata'ala yang

sempurna lagi agung.

"Faedah mengenali Asmaul Husna dapat meningkatkan kualiti diri seseorang mukmin sekurang-kurangnya daripada tiga aspek penting, iaitu akidah (pegangan), ibadah dan tasawuf. Dengan mempelajari, memahami maksud Asmaul Husna ia dapat memperhambakan diri seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berdoa kepada-Nya dengan cara yang benar dan tepat.

"Ia dapat memperteguhkan keimanan, keyakinan dan merealisasikan usaha kita mengesakan Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Secara keseluruhannya, seramai 600 lebih warga Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengimarahkan Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447H / 2026M yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan serta tenaga pengajar dari sekolah-sekolah dan Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) serta institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

**Oleh :** Nurdiyana Rajami

**Foto :** Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Nurdiyana Rajami

Sehubungan itu, hadir bersama rombongan di ruangan bagi jemaah perempuan, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, bersama seramai 209 jemaah perempuan yang lain dari Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu; dan Naib Canselor, Universiti Teknologi Brunei (UTB), Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah dan seterusnya Sembahyang Sunat Witir. Kemudian, majlis disusuli dengan sesi tazkirah dan bacaan Tadarus Al-Quran dan seterusnya majlis ditutup dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sementara di ruangan berasingan di Surau Istana Nurul Iman juga diadakan bagi jemaah lelaki yang dihadiri oleh seramai 490 lelaki warga Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Antara yang hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hazri bin Haji Kifle; dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Muhammad Yusri bin

Haji Abd. Majid antaranya menghuraikan 'Ar-Razzaq' dengan bukti yang terkandung dalam Surah Adz-Dzariyat, ayat 58 sebagaimana tafsirnya : "Sesungguhnya Allah Dialah sahaja yang memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dialah sahaja) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh Kekuasaan-Nya".

Beliau antaranya menyatakan Allah Subhanahu Wata'ala memberi rezeki kepada semua makhluk-Nya sama ada manusia, jin, haiwan mahupun makhluk-makhluk lain yang kita tidak mengetahui kewujudan mereka.

Awang Muhammad Yusri turut menyentuh dalam tazkirahnya bahawa rezeki berkenaan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu rezeki yang umum dan rezeki yang khusus. Rezeki yang umum ialah rezeki yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada semua makhluk, sama ada ia orang beriman mahupun kafir, sama ada ia ahli ibadah mahupun ahli maksiat, semuanya tetap Allah Subhanahu Wata'ala berikan rezeki, begitu pengasihnya Allah Subhanahu Wata'ala terhadap semua hamba-hamba-Nya.

Manakala rezeki yang khusus jelasnya lagi, rezeki yang sering kita lupakan yang kita selalu melihat rezeki berkenaan harta-benda semata-mata, namun hakikatnya rezeki yang khusus berkenaan hanya dapat dirasakan oleh orang-orang yang beriman dan beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu rezeki berbentuk ketenangan jiwa dan nikmat iman, berapa banyak orang yang mempunyai kemewahan tetapi tidak tenang hidupnya dan berapa banyak orang yang sempit rezekinya tetapi hidupnya lebih tenang daripada yang mewah.

# KSSUP adakan Majlis Pembukaan Tadarus



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Tadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi (kiri dan kanan).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**KILANAS**, Isnin, 2 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Pembukaan Tadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi, petang tadi.

Majlis dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama Jabatan Perikanan bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, Jalan Bebatik Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Ketua Kampung Bebatik Kilanas dan penduduk sekitarnya.

Sebelum memulakan bacaan tadarus, majlis didahului dengan penyerahan sumbangan wakaf daripada Yang Berhormat kepada Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin berupa peralatan keperluan masjid.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh imam masjid, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara beramai-ramai sebelum disusuli dengan berbuka puasa dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis ini merupakan kegiatan keagamaan yang diadakan setiap tahun yang bertujuan mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping mengimarahkan bulan Ramadan yang mulia serta meraih ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

## NASIHAT PERJALANAN BERIKUTAN SITUASI DI TIMUR TENGAH

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 3 Mac. - Berikutan situasi pergolakan di Timur Tengah pada masa ini, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) Negara Brunei Darussalam (NBD), melalui pejabat-pejabat perwakilan NBD di negara-negara Timur Tengah, sentiasa memantau keadaan keselamatan terutama sekali dalam memastikan kesejahteraan semua warga NBD yang sedang berada dan berdaftar di pejabat-pejabat perwakilan NBD di rantau berkenaan.

Dalam perkara ini, KHELN menekankan pentingnya bagi warga NBD di negara-negara terjejas yang belum berdaftar dengan pejabat-pejabat

perwakilan NBD untuk berbuat demikian melalui e-Register di laman sesawang KHELN di <https://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx>.

KHELN dan pejabat-pejabat perwakilan NBD yang berkenaan juga boleh dihubungi melalui nombor-nombor perhubungan seperti berikut iaitu KHELN menerusi talian +673 8716001; Kedutaan Besar NBD di Manama, Bahrain menerusi talian +973 3829 6000; Kedutaan Besar NBD di Doha, Qatar menerusi talian +974 6682 9451; Kedutaan Besar NBD di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu menerusi talian +971 506413478 dan Kedutaan Besar NBD di Riyadh,

Arab Saudi menerusi talian +966 55 526 2249.

Sementara Konsulat Agung NBD in Jeddah, Arab Saudi menerusi talian +966 55 166 0299; Kedutaan Besar NBD di Kuwait menerusi talian +965 252 34561; Kedutaan Besar NBD di Muscat, Oman menerusi talian +968 99435780; Kedutaan Besar NBD di Kaherah, Republik Arab Mesir menerusi talian +201 099683368 dan Kedutaan Besar NBD di Amman, Jordan menerusi talian +962 777 00 7999.

KHELN seterusnya menasihati warga NBD untuk mengelakkan dan menangguhkan sementara perjalanan ke rantau Timur Tengah pada masa ini sehingga keadaan kembali stabil.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Ahli Majlis Ugama Islam Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Pameran Tadabbur Al-Quran (XTQ47) (atas), manakala gambar bawah, Forum Kongsi Sama bertajuk 'Pengalaman Pengendalian Tadabbur Al-Quran di Masjid', yang mengetengahkan dua ahli panel.



## XTQ47 : Ketengahkan kegiatan Tadabbur Al-Quran di NBD

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Jawatankuasa Tadabbur Al-Quran buat julung-julung kalinya mengadakan Pameran Tadabbur Al-Quran (XTQ47) yang bertemakan 'Adakah siapa yang mahu mengambil pengajaran?'

Sehubungan itu, Majlis Perasmian pameran tersebut telah berlangsung di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, juga selaku Ahli Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Turut hadir, Pemangku Ra'es, KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa-mahasiswi KUPU SB.

Majlis diserikan dengan ceramah bertajuk 'Maksud Ilmu Tajwid, Qira'at dan Tarannum', yang disampaikan oleh Awang Haji Mohammad Zainul Arifin Ridwan, tenaga akademik Pusat Ilmu Teras, KUPU SB.

Diikuti dengan Forum Kongsi Sama bertajuk 'Pengalaman Pengendalian Tadabbur Al-Quran di Masjid', yang mengetengahkan dua ahli panel, iaitu Ketua Imam Masjid Hassanah Bolkihah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin; dan Imam Masjid Kampung Birau, Tutong, Awang Ahmad bin Haji Abdul Razak.

Forum berkenaan dipengerusikan oleh Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohamad Ali dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Disertai oleh 11 pempamer yang terdiri daripada fakulti dan pusat KUPU SB serta agensi-agensi jemputan, pameran antara lain bertujuan untuk mendedahkan kegiatan Tadabbur Al-Quran di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, ia juga dapat



**CERAMAH** bertajuk 'Maksud Ilmu Tajwid, Qira'at dan Tarannum', disampaikan oleh Awang Haji Mohammad Zainul Arifin Ridwan, tenaga akademik Pusat Ilmu Teras, KUPU SB.

meningkatkan kesedaran terhadap keperluan mengimbangi amalan Al-Quran ke arah pembentukan generasi Al-Quran.

Matlamat acara berkenaan ialah untuk menonjolkan fungsi dan tujuan ilmu Al-Quran sekali gus memurnikan pandangan terhadap amalan Al-Quran sebagai tadabbur dan amal.

## JPM TERUSKAN BERTADARUS DI MASJID RPN KAMPUNG PANDAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Isnin, 2 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini meneruskan lagi Majlis Tadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah. Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan penyampaian sumbangan wakaf barang keperluan masjid berupa

satu unit hampagas basah dan kering yang disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM kepada Imam Masjid RPN Kampung Pandan Kuala Belait, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan Tadarus Al-Quran bermula dari Juzuk 21 yang dimulakan oleh ketua rombongan. Ini kemudian disusuli dengan bacaan Doa Selamat dan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis Tadarus ini dikelolakan oleh Jabatan Audit dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid tersebut.

Majlis-majlis keagamaan di bulan Ramadan seumpama ini adalah salah satu daripada aktiviti tahunan JPM bagi mengeratkan silaturahim antara pegawai dan



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku ketua rombongan pada Majlis Tadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait.

kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping bagi sama-sama

menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini serta

merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

## SHENA adakan Majlis Tahliil di Kubah Makam Diraja



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Bersempena bulan suci Ramadan, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam

Sekitar (SHENA) petang tadi mengadakan Majlis Tahliil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**ROMBONGAN SHENA** diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA.

di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Rombongan SHENA diketuai oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Ahmad Syarkawi bin Mardy, yang kemudiannya mengetuai bacaan Tahliil, Doa Tahliil dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir, Lembaga Pengarah-pengarah SHENA, Pengurusan Kanan SHENA, kakitangan SHENA, dan pelajar-pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis Tahliil berkenaan diadakan

## Meningkatkan keimanan, ketakwaan serta memperkukuh amalan ibadah

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Khas dan Pusat Keusahawanan Inovasi pada hari ini telah mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Kampung Serdang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, diikuti dengan penyampaian sumbangan wakaf daripada Kementerian Pendidikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Ketua Imam Masjid Kampung Serdang, Awang Haji Muhammad Khairul Azmy bin Haji Bakar.

Selepas itu, acara diikuti dengan Majlis Bertadarus dan diakhiri dengan bacaan doa bagi memberkati majlis, yang diketuai oleh imam masjid berkenaan.

Majlis seumpama berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan berserta jabatan-jabatan di bawahnya yang bertujuan untuk menyemarakkan bulan Ramadan serta memohon keberkatan, keredaan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis berkenaan juga menjadi wadah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan, memperkukuh amalan ibadah serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Di samping itu, majlis berkenaan turut menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



**SETIAUSAHA** Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus di Masjid Kampung Serdang.

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir ke arah *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan; Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Rektor Universiti

Islam Sultan Sharif Ali serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta penduduk kampung sekitarnya.

# Bolehkah Mengerjakan Sembahyang Sunat Ba'diyyah Isya' Selepas Sembahyang Sunat Tarawih?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**S**EMBAHYANG sunat Tarawih merupakan sembahyang sunat yang khusus dikerjakan pada bulan Ramadhan bagi menghidupkan malam-malam bulan tersebut. Orang-orang yang menghidupkan malam-malam bulan Ramadhan dengan mengerjakan sembahyang sunat Tarawih dengan penuh keimanan semata-mata kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mengharap fadhilatnya, nescaya akan diampunkan dosa-dosa kecilnya yang terdahulu sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya :** Sesiapa yang mendirikan (menghidupkan malam-malam) bulan Ramadhan (dengan mengerjakan sembahyang sunat Tarawih) dengan penuh keimanan (terhadap kefarduan ibadah puasa Ramadhan) serta pengharapan (terhadap pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semata-mata) nescaya diampunkan dosa-dosanya (yang kecil) yang telah lalu.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sembahyang sunat Tarawih boleh dikerjakan secara bersendirian dan sunat dikerjakan secara berjemaah berdasarkan kesepakatan para sahabat *Radhiallahu 'anhum*. Oleh kerana itu, bagi merebut

ganjaran dan gandaan pahala, umat Islam tidak sepatutnya melepaskan peluang untuk berkumpul di masjid-masjid atau rumah-rumah untuk mengerjakannya secara berjemaah sebagaimana dianjurkan syara'.

Menyentuh mengenai mengerjakan sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'*, kadangkala terdapat di kalangan jemaah yang tidak mengerjakan sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'* sebaik-baik sahaja selesai sembahyang fardhu *Isya'* dan hanya mengerjakan sembahyang sunat Tarawih berjemaah. Persoalannya, adakah masih boleh dikerjakan sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'* selepas mengerjakan sembahyang sunat Tarawih? Berikut penjelasan mengenainya.

Sembahyang sunat Tarawih adalah sembahyang sunat yang khusus dikerjakan pada malam-malam bulan Ramadhan. Waktu mengerjakannya bermula sebaik sahaja seseorang itu selesai mengerjakan sembahyang fardhu *Isya'* dan berkekalan waktu mengerjakannya itu sehingga terbit fajar *shadiq*. Sembahyang sunat Tarawih yang dikerjakan sebelum mengerjakan sembahyang fardhu *Isya'* adalah tidak sah.


Sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'* pula termasuk dalam sembahyang-sembahyang sunat Rawatib iaitu sembahyang sunat yang mengiringi sembahyang fardhu lima waktu. Sembahyang sunat Rawatib terbahagi kepada *Qabliyyah* dan *Ba'diyyah*. Sembahyang sunat *Qabliyyah* bermula waktunya setelah masuk waktu

sembahyang fardhu dan waktunya berkekalan sehingga habis waktu sembahyang fardhu tersebut, namun dianjurkan mendirikan sembahyang *Qabliyyah* itu sebelum mengerjakan sembahyang fardhu. Adapun sembahyang sunat *Ba'diyyah* pula bermula waktunya selepas mengerjakan sembahyang fardhu dan berterusan waktunya sepanjang waktu sembahyang fardhu tersebut. Khusus bagi sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'*, waktunya bermula selepas seseorang itu mengerjakan sembahyang fardhu *Isya'* sehingga terbit fajar *shadiq*. Sembahyang sunat Rawatib tergolong dalam sembahyang-sembahyang sunat yang tidak disunatkan untuk dikerjakan secara berjemaah.

Dari segi keutamaan, sembahyang sunat Rawatib adalah lebih utama daripada sembahyang sunat Tarawih sama ada sunat Rawatib *mu'akkadah* (sangat dituntut) atau *ghair mu'akkadah*. Perkara ini disebut oleh Asy-Syaikh Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Mu'in* bi Syarh Qurrah al-'Ain :

**Artinya :** (Sembahyang) sunat yang lebih utama ialah (sembahyang sunat) Hari Raya Akbar (*Adha*), kemudian (sembahyang sunat) Hari Raya Asghar (*Fitrah*), kemudian (sembahyang sunat) Gerhana Matahari, kemudian (sembahyang sunat) Gerhana Bulan, kemudian (sembahyang sunat) meminta hujan, kemudian (sembahyang sunat) *Witir*, kemudian (sembahyang sunat) dua raka'at Fajr, kemudian Rawatib yang selebihnya semuanya adalah pada martabat yang sama, kemudian (sembahyang sunat) Tarawih, kemudian (sembahyang sunat) *Dhuha*, kemudian (sembahyang sunat) dua raka'at *Thawaf* dan (sembahyang sunat) *Tahiyatul Masjid* dan (sembahyang sunat) *Ihram*, kemudian (sembahyang sunat) *Wudhu*.

Oleh yang demikian, jelas bahawa sembahyang sunat Tarawih dan sembahyang sunat Rawatib kedua-duanya merupakan sembahyang sunat yang dituntut ke atas umat Islam. Walau bagaimanapun, sembahyang sunat Rawatib lebih utama dikerjakan berbanding sembahyang sunat Tarawih kerana Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kekal (consistent) mengerjakannya



berbanding sembahyang sunat Tarawih. Disebutkan dalam kitab at-Taqirrat as-Sadidat fi al-Masa'il al-Mufidah bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* tekal mengerjakan sembahyang sunat Rawatib dan tidak pernah meninggalkannya sekalipun ketika Baginda dalam pelayaran.

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* bi Syarh al-Minhaj menyebut :

**Artinya :** Akan tetapi pendapat al-ashah ialah mengutamakan (sembahyang-sembahyang) Rawatib fardhu daripada (sembahyang sunat) Tarawih kerana kekekalan (Rasulullah) *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengerjakannya (sembahyang sunat Rawatib) berbanding itu (sembahyang sunat Tarawih).

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'* boleh dikerjakan pada bila-bila masa dari selepas sembahyang fardhu *Isya'* sehingga terbit fajar *shadiq*. Dari segi keutamaan pula, sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'* dan lain-lain sembahyang sunat Rawatib adalah lebih utama daripada sembahyang sunat Tarawih.

Sekiranya seseorang itu tidak berkesempatan mengerjakan sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'* sebelum sembahyang sunat Tarawih, maka seeloknya sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'* jangan ditinggalkan kerana ia masih boleh dikerjakan selepas mengerjakan sembahyang sunat Tarawih. Dengan itu, dia tidak akan kerugian pahala sembahyang sunat *Ba'diyyah Isya'* dan tidak juga terlepas pahala sembahyang sunat Tarawih.

**SEKIRANYA seseorang itu tidak berkesempatan mengerjakan sembahyang sunat Ba'diyyah Isya' sebelum sembahyang sunat Tarawih, maka seeloknya sembahyang sunat Ba'diyyah Isya' jangan ditinggalkan kerana ia masih boleh dikerjakan selepas mengerjakan sembahyang sunat Tarawih. Dengan itu, dia tidak akan kerugian pahala sembahyang sunat Ba'diyyah Isya' dan tidak juga terlepas pahala sembahyang sunat Tarawih.**

منوجو كرىضائن الله  
MENUJU KEREDAAAN ALLAH  
كلولان قوسة دعوه اسلاميه

**S**ATU peristiwa penting dan bersejarah yang berlaku di bulan Ramadan ini ialah turunnya kitab suci Al-Quran yang dikenali sebagai Nuzul Al-Quran. Turunnya kitab suci Al-Quran ini telah membawa cahaya perubahan kepada kehidupan manusia iaitu daripada kehidupan jahiliah dan sesat berubah kepada kehidupan beriman dan mulia.

Sesungguhnya Al-Quran merupakan mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi panduan umat Islam sehingga hari ini dan seterusnya. Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi jaminan bahawa Al-Quran itu akan sentiasa terpelihara sehingga Hari Kiamat dan tidak akan ada makhluk dari kalangan jin ataupun manusia yang dapat mencabar keagungan

Al-Quran dalam semua aspek dan ia tidak dapat diubah atau ditokok tambah oleh sesiapa pun. Firman Allah dalam Surah Al-Israa', ayat 88 yang mafhumnya :

"Katakanlah : Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jika berkumpul untuk membuat yang serupa dengan Al-Quran ini, tentulah mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengannya, walaupun sebahagian mereka bantu membantu dengan sebahagian yang lain".

Islam menggalakkan umatnya supaya melazimkan diri membaca Al-Quran kerana membaca Al-Quran adalah amalan yang sangat mulia, lebih-lebih lagi dalam bulan yang mulia ini. Dengan amalan yang sedemikian, akan menambahkan lagi ganjaran dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat syafaat (pertolongan) pada hari akhirat kelak.

Nuzul Al-Quran telah berlaku pada malam Jumaat, 17 Ramadan bersamaan dengan

## Nuzul Al-Quran

6 Ogos 610 Masihi merupakan satu peristiwa yang bersejarah bagi setiap umat Islam. Pada 17 Ramadan, Allah Subhanahu Wata'ala telah menurunkan wahyu pertama iaitu Al-Quran kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui perantaraan Malaikat Jibril dan ini berterusan selama 23 tahun hingga menjadi senaskhah Al-Quran yang lengkap. Ketika peristiwa ini berlaku, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berumur 41 tahun ketika Baginda sedang mengasingkan dirinya daripada orang sekeliling dan beribadat di dalam Gua Hira' seorang diri.

'Nuzul' dari segi bahasa bermaksud menetap di sesuatu tempat atau turun daripada tempat yang tinggi. Manakala kata perbuatan *nazala* bermaksud 'dia telah turun' atau 'dia menjadi tetamu'. Nuzul Al-Quran sebenarnya membawa maksud Al-Quran dari langit kepada Nabi Allah yang terakhir iaitu kepada Nabi Muhammad.

Bahkan, perkataan 'Nuzul' telah digunakan dalam Al-Quran sebanyak 290 kali.

Ayat Al-Quran yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah lima ayat pertama daripada Surah Al-'Alaq.

Al-Quran merupakan panduan lengkap bagi setiap insan. Ini juga merupakan tadabbur kandungannya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Shad, ayat 29 yang mafhumnya :

"(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (Wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran".

Dengan beradanya kita di bulan Ramadan ini marilah kita merebut peluang untuk mendampingi Al-Quran, mempelajari dan mendalami ilmu di dalamnya. Semoga kita sentiasa dalam lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

# Kerajaan Arab Saudi sumbang 720 kotak buah kurma



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir dan bergambar ramai pada majlis penyerahan buah kurma sumbangan daripada Kerajaan Arab Saudi yang diadakan di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong (kiri dan kanan).



**KIARONG**, Selasa, 3 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerima sebanyak 720 kotak buah kurma sumbangan daripada Kerajaan Arab Saudi dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, pagi tadi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan penyerahan sumbangan buah kurma kepada

**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima buah kurma daripada Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Hani Yahya A. Maghrabi.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan oleh Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Hani Yahya A. Maghrabi.

Acara kemudian diteruskan dengan penyerahan sumbangan tersebut kepada Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal untuk diagihkan kepada golongan asnaf di negara ini disusuli penyerahan buah kurma kepada wakil-wakil masjid terpilih di keempat-empat daerah.

Sumbangan buah kurma jenis *khalash* ini menzahirkan terhadap kesejahteraan umat Islam di

negara ini khususnya golongan asnaf.

Inisiatif ini juga mencerminkan hubungan persahabatan, kerjasama dan ukhuwah Islamiah yang sedia erat antara NBD dan kerajaan Arab Saudi sekali gus menyemarakkan amalan berbagi rezeki serta penghayatan sunnah berbuka puasa dengan buah kurma dalam kalangan umat Islam semasa bulan Ramadan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta pengarah dan Pegawai Kanan KHEU.

## MENGGALAKKAN BUDAYA MEMBACA, MENGHAYATI AL-QURAN



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus Al-Quran, bertempat di Masjid Kampung Kupang dan seterusnya menyerahkan sumbangan wakaf (atas dan kanan).

**TUTONG**, Isnin, 2 Mac. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan, dan Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan ganjaran pahala berlipat ganda bagi setiap amal kebajikan dan ibadah yang dilaksanakan oleh hamba-Nya.

Justeru, umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan amalan mulia seperti bersedekah dan bertadarus Al-Quran di masjid-masjid sebagai pengisian rohani sepanjang bulan yang suci ini.

Selain itu, majlis berkenaan diadakan sebagai usaha menyemarakkan syiar Islam serta menggalakkan budaya membaca dan menghayati Al-Quran dalam kalangan masyarakat.

Ia juga secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi jalinan silaturahim antara rombongan dan penduduk setempat melalui pengimarah masjid secara bersama.

Sehubungan itu, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan pelaksanaan

Majlis Bertadarus Al-Quran, bertempat di Masjid Kampung Kupang, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar, yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatihah sebagai memulakan majlis.

Majlis diisikan dengan penyampaian Tadabbur Al-Quran oleh Pegawai Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Kelugos, Daerah

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



Tutong, Awang Muhammad Jalaluddin bin Junaidi.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan Tadarus Al-Quran, disusuli bacaan Tahليل dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Pegawai Masjid Kampung Kupang, Awang Haji Mohd. Sahran bin Haji Mohd. Safar.

Manakala bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Masjid berkenaan, Awang Haji Julaiadi bin Haji Baha.

Pada majlis berkenaan, turut disampaikan ialah sumbangan wakaf berupa *Vacuum Cleaner* daripada rombongan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Rombongan Bertadarus Al-Quran pegawai dan kakitangan KHEU seterusnya akan berada di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong pada 19 Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 9 Mac 2026, jam 2.30 petang.

# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَفَرَّجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصْحَبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباحوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapakan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
MOD Approved Lift Contractor

**Kategori:**  
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
17 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Tarikh Tutup:**  
31 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-LE / 06 / 2026

**Nama Projek:**  
Pemeliharaan Lif dan Eskalator  
'Sigma' Di Bangunan Dewan  
Majlis Baharu, Negara Brunei  
Darussalam Bagi Tempoh  
Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
MOD Approved Lift Contractor

**Kategori:**  
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
17 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Tarikh Tutup:**  
31 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-LE / 05 / 2026

**Nama Projek:**  
Pemeliharaan Lif 'Mitsubishi' Di  
Bangunan-Bangunan Kerajaan,  
Negara Brunei Darussalam Bagi  
Tempoh Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
V

**Kategori:**  
M01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
17 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 12.00  
Tengah Hari

**Tarikh Tutup:**  
31 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-ACM / 04 /  
2026

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi Operasi dan  
Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem  
Hawa Dingin Di Darul 'Afiyah  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
II Sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
17 Mac 2026 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
31 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DBSKB / 012 / 2026

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi  
Perkhidmatan Membaca Meter  
Air Untuk Mukim Seria, Liang,  
Bukit Sawat Labi dan Kawasan  
Pendalaman Bagi Tempoh  
24 Bulan.

**No. Projek:**  
2026ADKB/2109-002-002-001

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
III Sahaja

**Kategori:**  
M01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
17 Mac 2026 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
31 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 014 / 2026

**Nama Projek:**  
Membekal dan Mengganti  
Air-Cooled Multi Compressor  
Chillers and Chilled Water Fan  
Coil Units At Istana Kota  
Mengellela Kuala Belait.

**No. Projek:**  
2025ADBT/KEW-02

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-


**KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan Kantin  
Bagi Sekolah Arab  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**Bilangan Tawaran Dan Nama  
Sekolah Ugama:**  
KHEU / JPI / KANTIN-A / 03 / 06  
Sekolah Ugama Arab  
Menengah Perempuan Raja  
Isteri Pengiran Anak Hajah  
Saleha, Katok,  
Daerah Brunei dan Muara

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
21 Ramadan 1447H /  
11 Mac 2026M  
Sebelum jam  
12.00 Tengah Hari


**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 -  
SBH#19

Bagi Penyediaan, Perbekalan dan  
Penghantaran Air Minuman  
5-Galon, Mesin Penapis Air  
(Panas & Sejuk), Dan Air  
Minuman Botol 600ml Bagi  
Tempoh Dua (2) Tahun Di Blok 17,  
Simpang 32-15, Kampung  
Anggerek Desa, Jalan Anggerek  
Desa, Mukim Berakas A, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
19 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Yuran Tawaran:**  
Percuma



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:-**  
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 -  
SBH#18

Kontrak Bertempoh Dalam Masa  
Dua (2) Tahun Bagi Perkhidmatan  
Pengumpulan Sisa Domestik Unit  
Keselamatan, Jabatan  
Keselamatan Dalam Negeri  
Di Blok 17, Simpang 32-15,  
Kampung Anggerek Desa,  
Jalan Anggerek Desa,  
Mukim Berakas A, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
19 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Yuran Tawaran:**  
Percuma


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**
**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / LTK / PPPB /  
SUL / 2025 - 2026  
Perkhidmatan Pengurusan dan  
Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping)  
Tempoh 24 Bulan  
Bagi Sekolah Ugama Lamunin,  
Tutong I  
Di Bawah Kawalan  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Tahun 1447H - 1448H /  
2025M - 2026M

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
20 Ramadan 1447H /  
10 Mac 2026M  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari


**UNIVERSITI BRUNEI  
DARUSSALAM**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
UBD / E8 / 005 / 2025 - (T)  
Renovation Works For Sultan  
Hassanal Bolkiah Institute Of  
Education Joint Centre,  
Universiti Brunei Darussalam

**Kelas:**  
II and above

**Kategori:**  
B01, E01

**Bayaran Tawaran:**  
Bayaran Dokumen & Pentadbiran  
(termasuk e-Dokumen)  
BND35.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran  
Dilanjutkan:**  
Selasa,  
10 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
III, IV & V Sahaja

**Kategori:**  
MA01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
17 Mac 2026 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
31 Mac 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 036 / 2025 -  
Retender

**Nama Projek:**  
Membekal dan Mengganti  
Condensing Units dan Air  
Handling Unit Di Dewan Santap  
Kuala Belait. - Retender

**No. Projek:**  
2026ADKB/DKB-001

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
V

**Kategori:**  
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
Selasa  
17 Mac 2026

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 31 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 008 / 2026

**Nama Projek:**  
Menaiktaraf Sistem Pam Saliran  
Di Jalan Bunga Simpung (PS2),  
Daerah Belait.

**No. Projek:**  
2026ADKB / 2106 / 002-003-004

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



**BIRO  
MENCEGAH RASUAH**

**Bilangan Tawaran:**  
BMR / SH / 01 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran:**  
Tawaran Pemeliharaan Landskap  
Dan Pemotongan Rumput  
Kawasan Ibu Pejabat Dan  
Bangunan Baharu Biro Mencegah  
Rasuah.

**Bilangan Tawaran:**  
BMR / SH / 02 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran:**  
Tawaran Kerja-Kerja Pemotongan  
Rumput Kawasan Perumahan  
Biro Mencegah Rasuah Simpang  
336-52-38 Dan 336-52-30,  
Taman Musyassarah Jalan  
Kebangsaan Lama.

**Bilangan Tawaran:**  
BMR / SH / 04 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran:**  
Tawaran Pemeliharaan Landskap  
Dan Pemotongan Rumput  
Kawasan Cawangan Biro  
Mencegah Rasuah (BMR) Kuala  
Belait Termasuk Kawasan  
Perumahan No.3 Jalan Sungai  
Pandan Kuala Belait,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran:**  
BMR / SH / 05 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran:**  
Tawaran Perkhidmatan  
Pengangkutan Sampah Bagi  
Cawangan Biro Mencegah  
Rasuah (BMR) Kuala Belait  
Termasuk Kawasan Perumahan  
No. 3 Jalan Sungai Pandan Kuala  
Belait Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 10 Mac 2026, 11.00 Pagi



**JABATAN PERTANIAN  
DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga  
Jabatan Pertanian dan  
Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah  
dimasukkan ke dalam Peti Sebut  
harga dan dialamatkan kepada  
Ibu Pejabat,

Jabatan Pertanian dan  
Agrimakanan,  
Jalan Muhibbah,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas, BB3510  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari  
jam 2.00 petang pada  
Khamis, 26 Mac 2026.

**Borang Sebut Harga:**  
BND7.00

**1. JPt / SH / 115 / 2025 - 2026**  
Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan  
Ladang Di Kawasan Kemajuan  
Pertanian (KKP) Maraburong,  
Daerah Tutong

**2. JPt / SH / 116 / 2025 - 2026**  
Term Contract For  
Air-Conditioning System  
Maintenance And Other  
Required Works At Zone 'B'  
Brunei Muara District,  
Jabatan Pertanian  
Dan

Agrimakanan For  
The Period Of  
Twelve (12) Months

**3. JPt / SH / 117 /  
2025 - 2026**

Term Contract For  
Air-Conditioning System  
Maintenance And Other Required  
Works At Zone 'C' Brunei Muara  
District, Jabatan Pertanian Dan  
Agrimakanan For The Period Of  
Twelve (12) Months

**4. JPt / SH / 102(A) /  
2025 - 2026**

To Provide Training  
For SHENA Radiation License



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Kanun Acara Mal  
Mahkamah-Mahkamah Syariah,  
Penggala 237**

**Saman Gantian  
Dalam Mahkamah Rendah  
Syariah  
Di Daerah Belait,  
Negara Brunei Darussalam**

**Kes Mal Bilangan :  
KB / MRS / MAL-B / S010A /  
0174 / 12-2025**

**Antara**

**Noorimee Binti Sani  
- Plaintiff / Pemohon**

**Dan  
Abdul Halim Bin Abdullah Lim  
@ Lim Poh Hin  
- Defendan / Responden**

**Tuntutan :  
Cerai Fasakh**

Kepada : **Abdul Halim Bin  
Abdullah Lim @ Lim Poh Hin**  
(Defendan yang dinamakan di  
atas), Alamat Terakhir : No 19,  
Simpang 43-28, STKRJ LG 3  
Selatan Seria, KB1533, Negara  
Brunei Darussalam.

Kamu adalah dengan ini  
disaman supaya hadir secara  
sendiri atau melalui Peguam Syarie  
kamu di hadapan **Mahkamah  
Rendah Syariah Daerah Belait**

pada Rabu, 21 Ramadhan 1447H  
bersamaan 11 Mac 2026M pada  
jam 12.30 Tengah Hari untuk  
menjawab tuntutan terhadap kamu  
oleh plaintiff yang dinamakan di  
atas, yang mana butir-butir dalam  
tuntutan itu seperti dinyatakan  
dalam Penyataan Tuntutan yang  
diendorskan.

Sila ambil perhatian bahawa jika  
kamu ingkar hadir di mahkamah  
pada hari dan masa yang  
ditetapkan, Mahkamah boleh  
meneruskan untuk mendengarkan  
dan memutuskan kes tanpa  
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian  
bahawa jika kamu ingin  
membela diri terhadap tuntutan  
tersebut, kamu hendaklah  
memfaikan di Mahkamah ini dan  
menyampaikan kepada Plaintiff  
suatu pembelaan dalam Borang  
yang ditetapkan sebelum tarikh  
yang disebut di atas atau  
hadir di Mahkamah pada  
tarikh itu.

**Bertarikh :  
2 Syaaban 1447H /  
21 Januari 2026M**

**Meterai  
Mohammad Arif Bin Haji Sabtu  
Penolong Pendaftar  
Mahkamah Rendah Syariah  
Daerah Belait  
Negara Brunei Darussalam**

**PERATURAN  
PENGIKLANAN  
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)  
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK  
kurang dari empat (4) minggu dan  
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari  
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU  
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang  
berkaitan dan nyatakan apa-apa  
keperluan iklan berkenaan, seperti  
tarikh terbitan untuk diiklankan dan  
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
JPE / LTK / DIS / 124 / 2025  
Wayleave Maintenance of 28FT /  
35FT of 415V / 11KV Overhead  
Line and Poles In Sengkurong  
Area For A Period Of  
Three (3) Years

**Harga Dokumen:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
10 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang




**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
IV & V

**Kategori:**  
KA01  
(Kod Baharu)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 24 Mac 2026,  
Tidak lewat jam 12.00  
Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 02 / BKTGS /  
2026-T / IV

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Pembinaan Padang  
Sukan Bola Bagi Sekolah Rendah  
Katok B Serta Pemasangan Pagar  
Kawasan Padang Sahaja  
(Re-Tender)

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



Dibukakan Kepada Pemborong  
Pemborong Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
II & Keatas

**Kategori:**  
KA01

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 31 Mac 2026  
Tidak lewat dari  
jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 011 / 2026

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Pembaikan Paip dan  
Lurang Pembetung Bagi  
Kawasan Komersial,  
Pekan Kuala Belait,  
Daerah Belait.

**No. Projek:**  
2026ADKB / 2106 /  
002-003-003

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**  
V sahaja

**Kategori:**  
KA01 sahaja

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
31 Mac 2026  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSTUT 001 / 2026

**Nama Projek:**  
Membaikpulih Pipeline  
Maintenance Road  
Di Bukit Barun

**No. Projek**  
2026 / 27 JKRTUT /  
TRM / 2106 – 01 Client

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran Dan  
Keterangan Projek:**  
01 / BBS / TMRCTSPSKBS(2) /  
2026 - 2027  
Three (3) Months Term Contract  
For Rubbish Collection For  
Tamu Hujung Minggu At Gerai  
Tudung Saji, Kuala Belait  
and Pasarneka Seria

Dibukakan kepada  
pemborong - pemborong yang  
berdaftar dengan  
**Kementerian Pembangunan  
Negara Brunei Darussalam**

**Kategori:**  
S01 / Perkhidmatan Kutipan  
Sisa Pepejal, Sisa Pukul,  
Sisa Pembinaan  
(Environment & Solid Waste  
Management Services)

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00 (Non-Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
10 Mac 2026



Item (CT Scan Consumables)  
For Radiology Department, Raja  
Isteri Pengiran Anak Saleha  
Hospital For Period Of Three  
(3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk  
Tawaran:**

KK / 25 / 2026 / HTD  
The Provision Of Maintenance  
Services For Fresenius CRRT  
Machines In Ministry Of Health  
For A Period Of One (1) Year

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 26 / 2026 / HTD (TC)  
The Provision Of Maintenance  
Services For Reverse Osmosis  
Water Purification System For A  
Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 27 / 2026 / ESTETRIPIASH  
(TC)  
The Provision Of Maintenance  
Services For Fume Cupboards  
And Biosafety Cabinets Under  
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha  
Hospital For A Period Of Three  
(3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 28 / 2026 / LAB (TC)  
The Provision Of Outsourcing  
Removal, Transportation And  
Treatment Of Liquid Waste For  
National Histology And Cytology  
Reference Laboratory & Mortuary  
Services/ Histology Laboratory,  
Department Of Laboratory  
Services, Ministry Of Health For A  
Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 29 / 2026 / LAB (TC)  
The Provision Of Outsourcing  
Laboratory Tests For National  
Histology And Cytology  
Laboratory & Mortuary Services,  
Department Of Laboratory  
Services, Ministry Of Health For A  
Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Selasa,  
10 Mac 2026  
Tidak Lewat Jam 12.00  
Tengah Hari


**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 14 / 2026 / JPK(TC)  
The Provision Of Collecting And  
Transporting Phlebotomy And  
POCT Items For Department Of  
Health Services,  
Ministry Of Health For A Period Of  
Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk  
Tawaran:**

KK / 15 / 2026 / JPK (TC)  
The Provision Of Cleaning  
Services And Grass Cutting  
Services For The Following Health  
Centres For A Period Of Three  
(3) Years:

1. Seria Health Centre
2. Sungai Liang Health Centre
3. Labi Health Clinic
4. Sukang Health Clinic  
(Travelling Clinic)

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 16 / 2026 / ESTETMOH (TC)  
Domestic Waste Collection And  
Disposal Services For Perumahan

Dibawah Kawalan Kementerian  
Kesihatan For  
A Period Of Two Years  
(2) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk  
Tawaran:**

KK / 17 / 2026 / ESTETRIPIASH  
Reconstruction And Upgrading Of  
Outdoor Playground Facilities At  
Child Development Centre,  
Kiarong

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk  
Tawaran:**

KK / 18 / 2026 / HTD  
One Off Preventive Maintenance  
Services For One (1) Unit Of Ultra  
Performance Liquid  
Chromatography Tandem Mass  
Spectrometry (UPLC-MS / MS),  
Brand: Waters, Model: XEVO  
TQD, S/N: QCA879,  
BME17699,  
At Illicit Drugs Section,  
Department Scientific Services

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 19 / 2026 / HTD  
The Provision Of Maintenance  
Services For Sterilizer Equipment  
For A Period Of Three  
(3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 20 / 2026 / JPK(TC)  
Patient Care Assistant  
Services At Health Centres  
And Health Clinics Department  
Of Health Service,  
Ministry Of Health For A Period  
Of Two (2) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 21 / 2026 / UPP (TC)  
Supply And Delivery  
Of Medical Consumables For  
Gastroenterology & Hepatology  
Unit At Raja Isteri Pengiran  
Anak Saleha (RIPAS)  
Hospital For A Period Of  
Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 22 / 2026 / UPP (TC)  
Supply And Delivery Of  
Endoscopic Consumables For  
Gastroenterology & Hepatology  
Unit, Raja Isteri Pengiran Anak  
Saleha (RIPAS) Hospital For A  
Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 23 / 2026 / UPP (TC)  
Supply And Delivery Of Medical  
Item (Non-Ionic Contrast Media  
370 & MRI Consumables)  
For Radiology Department At  
Raja Isteri Pengiran Anak  
Saleha Hospital For Period Of  
Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Dan Keterangan  
Tajuk Tawaran:**

KK / 24 / 2026 / UPP (TC)  
Supply And Delivery Of Medical

# Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim Bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

## Daerah Tutong

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**TUTONG**, Isnin, 2 Mac. - Seramai 479 anak-anak yatim berusia 18 tahun ke bawah dari Daerah Tutong yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menerima sumbangan derma pada hari ini.

Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Anak-anak Yatim Daerah Tutong bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah berlangsung dengan penuh tertib dalam suasana keinsafan, bertempat di Dewan Seri

Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Dayang Nur Damia Faqihah binti Mohammad Aji, pelajar dari Sekolah Ugama Tutong Kem, diikuti dengan tafsiran ayat oleh Guru Sekolah Ugama Tutong Kem, Dayang Hajah Norlaila binti Haji Metussin.

Acara diteruskan dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah dan Doa Peliharaan Sultan yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Penanjong, Awang Dilla Aiyad Kasyidi bin Ahmadi.

Sumbangan berkenaan disalurkan melalui Tabung Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim Daerah Tutong serta Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Sumbangan yang dihulurkan bertujuan membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim dalam membuat persiapan menyambut ketibaan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis menyerahkan sumbangan kepada para penerima (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Inisiatif berkenaan sekali gus mencerminkan keprihatinan dan komitmen berterusan pelbagai pihak terhadap kebajikan golongan berkenaan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim, pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta pemangku-pemangku ketua

kampung di Daerah Tutong.

Majlis seumpama berkenaan diharap akan terus memperkukuh semangat kebersamaan dan nilai ihsan dalam kalangan masyarakat, di samping mengeratkan silaturahim antara agensi kerajaan, pihak berkepentingan dan penduduk setempat dalam usaha bersama memelihara kebajikan serta kesejahteraan anak-anak yatim di Daerah Tutong.



**BELAIT**, Isnin, 2 Mac. - Dalam sama memelihara kebajikan anak-anak yatim di Daerah Belait, Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait mengadakan Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Daerah Belait Tahun 1447 Hijrah /2026 Masihi berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Insani, Seria, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirool Hafidzin bin Haji Muhammad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Tahlil yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong Tiga Selatan Seria, Awang Muhammad Hilman bin Haji Hasnullah.

Seramai 446 anak yatim berdaftar di Daerah Belait menerima derma yang disampaikan oleh tetamu kehormat. Derma-derma tersebut adalah sumbangan daripada Tabung Anak-anak Yatim Kebangsaan, Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait dan juga dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Sementara itu, Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP) juga turut menyerahkan derma kepada anak-anak yatim yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan

Syarikat, Awang Haji Mohammad Zulazrin bin Haji Mohidin dan Pengarah Sumber Manusia, Dayang Erwienna binti Abu Bakar.

Manakala Syarikat Suasana Mentari Engineering Services ikut sama menyerahkan derma dari syarikat berkenaan kepada anak-anak yatim. Derma-derma diserahkan oleh Pengarah Urusan, Awang Yusof bin Haji Othman dan Pengurus Pemasaran syarikat berkenaan, Clement Oh Yeong Heng.

Pada majlis tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Belait juga menerima sumbangan sebanyak BND9,436 daripada syarikat-syarikat swasta dan persatuan-persatuan terdiri dari Dewan Perniagaan Tiong Hua Daerah Belait, Asia Enterprise, Sullivans (B) Sdn. Bhd., KK Chan Enterprise, Pustaka Remaja Sendirian Berhad, Syarikat Teras Maju Bookstore Sendirian Berhad, Chiam Engineering Construction, Hainan Association, Persatuan Kejuruteraan Tiong Hua Daerah Belait, New Village Mutual and Association, Tai Poo Community Association Brunei, Persatuan Usia Panjang Kekal, Chai Youk Fatt.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, ketua-ketua jabatan dan cawangan

**PEMANGKU** Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Daerah Belait Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Insani, Seria (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

di Daerah Belait, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Belait, serta pegawai-pegawai BSP dan Syarikat Suasana Mentari Engineering Services.

Dengan adanya majlis ini maka dapatlah sedikit sebanyak membantu menceriaikan anak-anak yatim dalam membuat persediaan menjelang hari raya Aidilfitri. Orang ramai yang ingin menyampaikan sumbangan derma ke Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait adalah dialu-alukan dengan menghubungi terus ke Urus Setia Tabung Amal Anak-anak

## Daerah Belait



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Azmah Haji Ahad

Yatim Daerah Belait, Bahagian Perhubungan Awam, Penyelidikan dan Teknologi Maklumat, Tingkat II,

Jabatan Daerah Belait atau telefon terus ke nombor +673 3334335 sambungan 1117 / 1113 / 1118.



## Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim Bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

### Daerah Temburong



**TEMBURONG**, Isnin, 2 Mac. - Kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim di negara ini terus mendapat perhatian terutamanya pada bulan Ramadan yang mulia ini dengan pelbagai pihak dan dermawan menghulurkan sumbangan bagi meraih keberkatan.

Sehubungan itu, dalam meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim semasa menyambut bulan Syawal nanti, Majlis Penyampaian Derma Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan

Kemasyarakatan Mukim Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; penghulu mukim-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong dan para dermawan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok, Mukim Bokok, Awang Sokhrati@Hanafi bin Haji Bahrin.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim Daerah Temburong kepada seramai 138 penerima yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan penyampaian derma kepada Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong daripada para penderma.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat majlis menyerahkan sumbangan kepada para penerima (atas), manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Sumbangan hari ini adalah sumbangan derma daripada Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong, Tabung Kebangsaan, Bank Islam Brunei Darussalam, orang persendirian dan syarikat-syarikat swasta. Dengan adanya sumbangan

derma ini nanti, diharapkan akan dapat meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim semasa menyambut bulan Syawal nanti dan dihasrat kepada anak-anak yatim akan dapat membelanjakan sumbangan berkenaan.



# MINDA PEMBACA

## Belia masjid pemangkin kepimpinan ummah

**M**ASJID bukan sekadar tempat ibadah, malah berperanan sebagai pusat pembangunan komuniti. Dalam konteks semasa, belia masjid muncul sebagai pemangkin penting dalam membentuk kepimpinan ummah yang progresif, berakhlak dan berdaya tahan. Golongan muda inilah yang bakal mencorakkan masa depan masyarakat, justeru penglibatan aktif mereka di institusi masjid wajar diperkasa.

Belia masjid berperanan sebagai penggerak program kerohanian, pendidikan dan kebajikan. Penganjuran kuliah, forum ilmiah, Kelas Pengajian Al-Quran serta aktiviti kesukarelawanan membuka ruang

kepada pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah. Melalui penglibatan ini, mereka mempelajari nilai kepimpinan seperti disiplin, amanah, kerja berpasukan dan komunikasi berkesan. Pengalaman mengurus program juga melatih mereka membuat keputusan serta menyelesaikan masalah secara matang dan berhikmah.

Selain itu, belia masjid menjadi jambatan antara generasi tua dan muda. Idea segar dan pendekatan kreatif yang dibawa mampu menarik minat rakan sebaya mendekati masjid. Penggunaan media sosial, aplikasi digital dan penganjuran aktiviti santai berunsur dakwah menjadikan masjid

lebih inklusif dan mesra belia. Pendekatan ini penting bagi menangani gejala sosial serta membina jati diri generasi muda berteraskan nilai Islam.

Namun, usaha memperkasa belia masjid memerlukan sokongan berterusan semua pihak. Pentadbiran masjid perlu memberi ruang dan kepercayaan kepada golongan muda untuk memimpin serta menyumbang idea. Latihan kepimpinan dan bimbingan daripada tokoh agama serta profesional juga harus diperkukuh agar potensi mereka dapat digilap secara menyeluruh.

Sesungguhnya, belia masjid ialah aset strategik ummah. Dengan

bimbingan yang tepat dan peluang yang luas, mereka mampu tampil sebagai pemimpin berintegriti yang memacu kesejahteraan masyarakat dan negara. Memperkasa belia masjid bermakna kita sedang membina masa depan ummah yang cemerlang.

Nama : Mohammad Azrin bin Mohammed Asli  
No. K/P : 01-082XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 1.'Memperkasa Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 4 Mac 2026
- 2.'Puasa Sebagai Latihan Disiplin Diri'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2026
- 3.'Memupuk Budaya Menabung Sedari Kecil'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2026

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# SEDEKAH MEMBAWA BERKAT, GANJARAN PAHALA BERLIPAT GANDA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Mac. - Sedekah secara umumnya adalah merangkumi sama ada yang sunat mahupun yang fardu. Jika yang fardu, ia dikenali dengan zakat.

Terdapat begitu banyak kelebihan-kelebihan bersedekah di jalan Allah Subhanahu Wata'ala yang disebutkan di dalam Al-Quran dan juga hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sebarang bentuk sedekah yang diberikan kerana Allah Subhanahu Wata'ala tidak mendatangkan kerugian kepada pelakunya, sebaliknya mendapat ganjaran balas yang menguntungkan.

Walaupun barangan ataupun

pakaian berkenaan sudah lama, tetapi sekiranya ia masih kelihatan elok dan memberikan manfaat kepada penerimanya, pasti sedekahnya akan diterima selagi mana dia ikhlas dalam bersedekah.

Sesungguhnya, pahala bagi mereka yang menyedekahkan pakaian atau barangan lama amat besar sehingga mendatangkan kebaikan.

Walaupun ia kelihatan seperti perkara kecil, hakikatnya dalam Islam, setiap barangan yang dimiliki baik digunakan atau tidak, tetap akan melalui proses hisab di akhirat kelak.

Hisab bukan sekadar tentang ibadah, tetapi turut meliputi harta

dan bagaimana ia diuruskan di dunia. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan bahawa setiap manusia akan ditanya tentang nikmat, harta dan segala yang dimilikinya.

Sebaiknya bersedekah pakaian, barang rumah yang tidak digunakan, dan apa juga barang lain yang masih boleh digunakan. Jangan disimpan, ringankan jiwa agar rezeki semakin luas.

**SELAIN** daripada wang tunai, pahala bagi mereka yang menyedekahkan pakaian atau barangan lama amat besar (kanan dan bawah kiri).



## Dapatkan keputusan Peperiksaan SSRU melalui SMS

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI) selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. (Progresif), Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) ingin memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan berkenaan adalah dikehendaki mendaftar terlebih dahulu melalui perkhidmatan SMS. Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar pada Selasa, 3 Mac 2026, jam 10.00 pagi.

Pendaftaran melalui perkhidmatan SMS adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif atau 39966 bagi pelanggan Imagine.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos. Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi. Melalui perkhidmatan berkenaan, diharapkan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan peperiksaan SSSRU Tahun 1446H / 2025M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan berkenaan, bolehlah menghubungi MachTel melalui nombor talian +673 8671355 atau e-mel [kheuresults@machbrunei.com](mailto:kheuresults@machbrunei.com).

## Selera KAMPUNG Kitani

### Hati Buyah Masak Kicap

#### Kampung Selayun

**BAHAN-BAHANNYA :**  
 Hati buyah  
 Bawang merah (kisar)  
 Bawang putih (kisar)  
 Halia (kisar)  
 Lada merah kisar  
 Sos tiram  
 Kicap manis  
 Kicap manis ABC  
 Garam, gula & ajinomoto

secukup rasa  
 Lada merah hidup (hiris)  
 Bawang besar (hiris)

**CARA-CARA MEMASAK :**  
 Rebus hati buyah terlebih dahulu sehingga lembut dan kemudian digoreng. Tumiskan bahan kisar bawang merah, bawang putih, halia dan lada

Foto : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

kering dengan minyak gorengan tadi. Masukkan sos tiram dan kicap manis. Kemudian, masukkan hati buyah gaul hingga rata, masukkan kicap manis ABC, garam, ajinomoto dan gula secukup rasa. Akhir sekali masukkan hirisan lada merah hidup dan bawang besar.



# Memulihara, melestarikan khazanah negara : Hidupan liar

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Azmah Haji Ahad,  
Ihsan BWPC 2022, JPH

**H**ARI Hidupan Liar Sedunia (World Wildlife Day) yang disambut setiap 3 Mac merupakan sambutan tahunan antarabangsa bagi meraikan dan menghargai kepelbagaian keindahan flora dan fauna liar, di samping untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dan manfaatnya kepada manusia agar ia kekal terpelihara. Pada masa yang sama, Hari Hidupan Liar Sedunia ini juga untuk mengingatkan kita akan keperluan dalam meningkatkan usaha bagi memerangi jenayah hidupan liar yang telah memberi kesan besar ke atas ekonomi, alam sekitar dan sosial.

Hidupan liar dan habitatnya merupakan khazanah negara yang amat bernilai dalam menjamin kestabilan ekosistem untuk kesejahteraan hidup kita. Oleh itu, Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia mengingatkan kita supaya meningkatkan lagi usaha melindungi hidupan liar serta habitatnya dalam situasi yang sangat mencabar disebabkan oleh perubahan guna tanah, pemburuan dan perdagangan haram, fenomena perubahan iklim serta penyakit zoonotik.

## Pemuliharaan hidupan liar

Usaha pemuliharaan hidupan liar di habitat asal perlu diperkukuhkan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan meminimumkan konflik manusia dan hidupan liar. Konflik manusia dan hidupan liar boleh menyebabkan kehilangan nyawa, kecederaan, kemusnahan tanaman, kematian ternakan dan juga kemusnahan harta benda.

Selain itu, bagi memantau kehidupan liar yang sukar dijangkau secara manual, kita dapat memanfaatkan inovasi digital seperti dron, perangkap kamera untuk pemantauan di kawasan tertentu dan hidupan liar. Inovasi digital memudahkan kita untuk memulihara hidupan liar untuk generasi akan datang agar mereka dapat menghargai habitat hidupan liar yang semakin pupus.

Oleh kerana peningkatan kadar kepupusan, kematian dan penurunan populasi hidupan liar, pelbagai langkah serta usaha untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan mengenai peranan dan

kepentingan hidupan liar kepada masyarakat sangat penting. Dalam usaha untuk memberi kesedaran berterusan kepada generasi muda tentang kepentingan melindungi dan memulihara khazanah alam ini maka kanak-kanak sekolah perlu ditanamkan minat menyayangi binatang. Perkara ini setentunya melibatkan guru-guru di sekolah dan juga ibu bapa. Malah kerjasama padu daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan diperlukan bagi merealisasikan impian supaya hidupan liar dapat dipulihara dan dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang.

Tidak dinafikan manusia memainkan peranan yang sangat penting dalam mencegah kepupusan hidupan liar. Bagi melindungi habitat semula jadi, kita perlu mengurangkan penebangan hutan, pembangunan tidak terkawal seperti pembinaan infrastruktur, kawasan hutan yang dibersihkan untuk dijadikan kawasan pertanian, dan pencemaran yang merosakkan ekosistem. Habitat yang terpelihara memberi peluang haiwan untuk terus hidup dan membiak. Selain itu, perdagangan hidupan liar, dan aktiviti yang mengancam spesies terancam perlu dibanteras dengan menguatkuasakan undang-undang. Justeru, masyarakat yang bertanggungjawab boleh membantu dengan melaporkan pemburuan haram atau perdagangan hidupan liar kepada pihak berkuasa. Masyarakat juga perlu dididik tentang kepentingan biodiversiti dan kesan kepupusan terhadap keseimbangan ekosistem.

## Didikan awal

Mendidik masyarakat tentang kepentingan hidupan liar melalui kempen kesedaran, pendidikan di sekolah, dan media. Kanak-kanak perlu dididik bagi melindungi hidupan liar kerana didikan awal dapat memberikan kefahaman bagi mereka apabila dewasa kelak. Selain itu, Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan telah membuat pelbagai langkah dalam memberi kesedaran kepada orang ramai tentang hidupan liar ini seperti memasang papan tanda peringatan perlindungan hidupan liar di tempat-tempat strategik seperti di pos-pos kawalan, pasar dan tamu. Ini adalah untuk mengingatkan bahawa hidupan liar berhak untuk dilindungi.

## Kesan terhadap hidupan liar

Apabila hutan ditebang atau kawasan semula jadi dimusnahkan, haiwan kehilangan tempat tinggal, sumber makanan, dan ruang untuk membiak. Ini menyebabkan populasi menurun dengan cepat. Kehilangan habitat akan menyebabkan hidupan liar tidak dapat mengadaptasi di sekeliling mereka yang berubah di luar kebiasaan mereka.

Apabila ekosistem tidak lagi dapat menyokong kehidupan, spesies tertentu boleh pupus secara kekal. Kepupusan ini mengganggu keseimbangan rantai makanan dan ekosistem lain yang bergantung padanya.

Penyakit zoonotik boleh berlaku jika gangguan ekosistem meningkatkan interaksi antara manusia dan haiwan liar. Ini boleh menyebabkan penularan penyakit daripada haiwan kepada manusia. Baru-baru ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengeluarkan peringatan global terkait wabah virus Nipah yang kembali merebak di Kerala, India. Virus zoonosis yang berasal dari kelawar buah ini juga dapat ditularkan oleh babi dan manusia, dan kini menjadi perhatian dunia kerana potensi pandemiknya yang tinggi.

Apabila habitat semula jadi musnah, haiwan mencari makanan di kawasan manusia, menyebabkan kerosakan tanaman, membunuh binatang ternakan seperti kerbau atau sapi dan konflik dengan penduduk. Lebih menakutkan lagi

haiwan liar berani menunjukkan keberadaan mereka di kawasan terutamanya yang berdekatan kampung dan ini membahayakan manusia. Sering kita dengar haiwan liar seperti harimau muncul di kawasan kampung dan membaham mangsa.

Untuk memulihara hidupan liar yang hampir pupus, terdapat beberapa langkah penting yang boleh diambil oleh kerajaan, organisasi, dan masyarakat umum. Walau bagaimanapun cabaran utama yang dihadapi ialah pembangunan pesat yang mengurangkan habitat semula jadi. Selain itu, permintaan pasaran gelap untuk produk haiwan liar juga menjadi salah satu punca kenapa hidupan liar semakin pupus.

## Kesimpulan

Pemuliharaan hidupan liar bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi juga masyarakat. Dengan gabungan undang-undang yang tegas, teknologi moden, dan kesedaran awam, kita boleh memastikan spesies yang hampir pupus terus wujud untuk generasi akan datang.

Semoga dengan adanya usaha-usaha yang dibuat bagi melestarikan hidupan liar di negara ini, dengan menjaga keseimbangan ekosistem, hutan dan hidupan liar di negara ini akan kekal bertahan kerana ia merupakan khazanah penting negara. Bagi sebarang maklumat mengenai hidupan liar, awda boleh melayari aplikasi Instagram di [@forestry.brunei](https://www.instagram.com/forestry.brunei).





# Tingkatkan amalan membaca Al-Quran di bulan suci Ramadan

■ Rencana dan Foto : Nurdiyana Rajami

**H**ADIRNYA bulan keagungan, bulan di mana Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat dengan pelbagai fadilat kepada umat-Nya yang khusyuk dan tawaduk serta yang benar-benar ingin meraih pahala berlipat ganda demi untuk mengejar hari kemenangan di dunia dan juga akhirat. Itulah Ramadan, bulan suci yang lebih baik dari seribu bulan.

'Syukur alhamdulillah', itulah kalimat yang pantas diungkapkan bagi kita yang masih dianugerahkan pelbagai nikmat seperti rezeki dan kesihatan yang baik. Dengannya kita telah pun diberi peluang keemasan untuk dipertemukan lagi dengan bulan yang mulia dan penuh keampunan ini di mana umat Islam diwajibkan berpuasa di bulan Ramadan, dan sekali gus meningkatkan amal ibadah kepada Yang Maha Pencipta sekalian alam.

Sebagai salah satu kewajipan yang terkandung dalam Rukun Islam yang lima, kita mestilah menahan diri daripada makan, minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai dari terbit fajar sadik hingga masuk matahari dengan niat dan syarat-syarat tertentu. Kewajipan ini jelas terbukti di dalam kitab suci Al-Quran melalui Surah Al-Baqarah, sebagaimana tafsirnya dalam ayat 183.

*"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".*

Tibanya Ramadan, sekali setahun ini, pastinya membawa sebesar-besar rahmat dan keberkatan kepada seluruh umat Islam untuk menyucikan jiwa, diri dan akhlak dari sifat-sifat yang keji yang bukan sahaja memberikan implikasi negatif kepada diri, bahkan juga keluarga dan masyarakat. Oleh itu tersangatlah rugi jika kita tidak merebut peluang itu, bahkan membiarkan peluang itu pergi begitu sahaja.

Ibadah puasa di bulan Ramadan bukan hanya melatih diri untuk menahan lapar dan dahaga, namun ia juga mendidik diri untuk meningkatkan dan memperkasakan segala amal kebajikan kita dari semasa ke semasa.

Ini kerana bulan yang memiliki lambakan pahala dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala ini pastinya amat dirindui oleh

orang-orang Mukmin kerana hadirnya membawa seribu satu rahsia kelebihan dan kebaikan.

Salah satu amal ibadah yang perlu kita lakukan di bulan yang penuh kemuliaan ini ialah memperbanyakkan membaca Al-Quran. Dengan limpah rahmat Ilahi di Negara Brunei Darussalam, membaca Al-Quran sudah menjadi amalan harian dalam kalangan masyarakat Islam sama ada secara bersendirian atau berkumpulan. Lebih-lebih lagi di bulan Ramadan ini, amalan membaca lebih giat dilaksanakan terutama dengan mengadakan aktiviti membaca ayat-ayat suci secara berkumpulan.

Terdapat beberapa faedah pembacaan Al-Quran secara kumpulan yang biasa dilaksanakan dalam kalangan masyarakat kita, antaranya adalah pembacaan Al-Quran yang dilaksanakan dengan cara bergilir-gilir dan saling memperdengarkan bacaan masing-masing, iaitu bertadarus. Setiap ahli kumpulan akan membaca sambil didengar dan diperbetulkan bacaannya oleh seorang pentasmik yang dilantik jika ada sebarang kesalahan. Setelah selesai bacaan tiga puluh juzuk, maka majlis khatam Al-Quran akan diadakan.

Secara praktikalnya, setiap orang akan membaca dan memperdengarkan bacaan

masing-masing dengan menjaga lafaz atau sebutan ayat-ayat Al-Quran, sementara yang mendengar pula berkewajipan untuk mendengar dan menyemak bacaan tersebut. Sekiranya terdapat kesilapan atau kesalahan dalam bacaan, maka orang yang mendengar dan menyemak akan segera memperbetulkannya.

Sesungguhnya fadilat serta ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang yang membaca Al-Quran itu menyebabkan orang ramai tidak melepaskan peluang untuk menjadikan Al-Quran sebagai amalan harian. Ada yang mengambil inisiatif mengumpulkan keluarga atau kawan-kawan dan menubuhkan kumpulan khusus untuk membaca Al-Quran dan membahagikan juzuk-juzuk atau ayat-ayat Al-Quran dalam kalangan mereka untuk dibaca sehingga selesai.

Apa lagi adanya kemudahan telekomunikasi melalui aplikasi seperti WhatsApp, kumpulan membaca Al-Quran mudah ditubuhkan dan hasil bacaan cepat dikemas kini setiap waktu. Pembahagian juzuk-juzuk atau ayat-ayat Al-Quran dibaca dengan cara berasingan atau bersendirian di tempat masing-masing dan tidak memperdengarkan kepada ahli yang lain.

Pembahagian cara begini tidak menjadi suatu kesalahan, bahkan ia merupakan perkara yang baik dan berkebaikan untuk dilaksanakan bagi memperoleh fadilat dan ganjaran pahala membaca Al-Quran. Selain itu, cara sedemikian dilihat sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan orang ramai lebih giat membaca atau memperbanyak bacaan Al-Quran serta menjadikannya sebagai amalan harian.

Begitu juga keindahan apabila bertadarus Al-Quran seperti di masjid-masjid pastinya ia menjadi ibadah yang membantu mengimarahkan lagi rumah Allah sekali gus menyumbang kepada mengukuhkan ukhuwah dan pemangkin bagi menggalakkan lebih ramai jemaah datang ke masjid.

Oleh yang demikian, bulan suci Ramadan ini adalah masa yang terbaik untuk kita lebih mendekati Al-Quran. Inilah masanya kita berusaha untuk khatam Al-Quran. Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama menjadikan amalan membaca Al-Quran sebagai budaya atau gaya hidup seharian. Bukan sahaja kita membacanya dengan tartil dan fasih, tetapi juga memahami dan meneliti isi kandungan yang terdapat di dalamnya untuk mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya.



# PRODUK KESIHATAN DICEMARI BAHAN TERLARANG

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kesihatan yang dicemari dengan bahan terlarang.

Berdasarkan hasil laporan ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk berkenaan mengandungi bahan kimia yang tidak diisytiharkan, iaitu racun berjadual di bawah Akta Racun 1956 yang tidak dibenarkan dalam Produk Kesihatan.

Produk kesihatan tersebut adalah Midos Sujin Tonmainin, dari pengilang Nam King Drugs, 18, Kawasan Perindustrian Jelutong, Penang, Malaysia, yang telah dicemari dengan Dexamethasone/Betamethasone.

Penggunaan bahan-bahan berkenaan tanpa pemantauan perubatan, boleh menyebabkan kesan mudarat yang membahayakan kesihatan, terutamanya jika diambil secara berterusan.

Pengambilan steroid seperti Dexamethasone dan Betamethasone secara berpanjangan tanpa pengawasan perubatan boleh menyebabkan peningkatan paras gula dalam darah yang boleh mengakibatkan penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, katarak, penyakit otot dan tulang seperti osteoporosis, peningkatan risiko jangkitan, serta boleh mengakibatkan Cushing's syndrome.

Ciri-ciri Cushing's syndrome adalah seperti muka bulat (*moon face*) serta kegemukan pada bahagian atas badan dengan anggota tangan dan kaki yang kelihatan kurus.

Penghentian steroid tanpa pengawasan perubatan pula boleh menyebabkan gejala penarikan (*withdrawal symptoms*). Simptom-simptom penarikan termasuk keletihan, sakit otot dan

**MIDOS Sujin Tonmainin**, dicemari dengan Dexamethasone/Betamethasone.

sendi, demam, paras gula darah rendah, tekanan darah yang rendah serta dehidrasi.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk berkenaan.

Sehubungan dengan dapatan berkenaan, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk berkenaan adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan dan berasa tidak sihat selepas memakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai diingatkan agar mendapatkan nasihat daripada doktor atau pegawai farmasi sebelum mengambil sebarang produk kesihatan. Elakkan daripada membeli atau menggunakan produk daripada sumber yang tidak diketahui, khususnya melalui platform dalam talian.

Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan untuk meneliti setiap tuntutan produk dengan berwaspada, terutamanya produk yang mendakwa memberi kesan segera atau 'tiada kesan sampingan'.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk berkenaan (termasuk penjualan secara dalam talian seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta



berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah.

Di samping itu, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan jika sekiranya mendapati produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini atau mana-mana produk lain yang diragui kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan, Jabatan Perkhidmatan Farmasi.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan dan keselamatan orang ramai adalah menjadi keutamaan.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208 atau menghantar e-mel kepada [pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn) atau berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.

**TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA, GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.**

**SEAT BELTS CAN SAVE LIVES, ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.**

Road Safety Depends on #YouAndMe

## ALAI PINTAR 168

### SOALAN 4 MAC 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Bas bertolak pukul 9.00 pagi dan sampai ke tempat dituju pukul 11.00 pagi. Berapa lama perjalanan bas?
  - 2 jam
  - 3 jam
  - 4 jam
- Selepas Shasha berpindah tempat duduk, penglihatannya menjadi jelas. Apakah kata berlawanan bagi 'jelas'?
  - Terang
  - Kabur
  - Senang
- Waktu berbuka puasa ialah?
  - Ketika azan Zuhur
  - Ketika azan Subuh
  - Ketika azan Maghrib

**TARIKH TUTUP : 14 MAC 2026**

### SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
 Tarikh Lahir : .....  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
 Sekolah : .....  
 Tahun : .....  
 Alamat : .....  
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

### HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

**PEMENANG ALAI PINTAR 167 :**

Nama : Ak. Syaheel Haziq bin Pg. Md. Sahlan  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0147381-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri

Nama : Ahmad Naafeez Al-Haqq bin Haji Mohd. Nazelley  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0007333-12. Sekolah : Tinkerbell Learning School

Nama : Muhammad Faiq bin Alwardy  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0141125-01. Sekolah : Sekolah Rendah Tentera Laut

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 167

- C - Bergaduh
- A - Laju
- A - 2 rakaat

# HARGA GAS EROPAH MELONJAK SEHINGGA 48 PERATUS SUSULAN KETEGANGAN TIMUR TENGAH



**LONDON, 3 Mac.** - Harga gas Eropah melonjak sehingga 48 peratus dalam dagangan intra hari selepas trafik kapal tangki melalui Selat Hormuz yang penting dari segi strategik - laluan utama bekalan tenaga global - hampir terhenti sepenuhnya susulan serangan bersama Amerika Syarikat (AS) dan Israel ke atas Republik Islam Iran.

Di Title Transfer Facility (TTF) yang berpangkalan di Belanda, hab perdagangan gas asli maya

dengan kedalaman dan kecairan pasaran tertinggi di Eropah, niaga hadapan April diniagakan pada €47.2 (US\$55.2) bagi setiap megawatt-jam dalam dagangan intra hari, meningkat daripada €31.95 bagi setiap megawatt-jam pada 27 Februari sebelum serangan itu.

Ia menandakan peningkatan intra hari sehingga 48 peratus berbanding harga penutupan sebelumnya, lapor Anadolu Ajansi. Sementara itu, QatarEnergy

mengumumkan ia telah menghentikan pengeluaran gas asli cecair (LNG) selepas dron yang dilancarkan Republik Islam Iran menyasarkan satu daripada kemudahan tenaganya di Bandar Perindustrian Ras Laffan, Qatar.

Perkembangan itu meningkatkan kebimbangan terhadap bekalan LNG global dan menambah lagi tekanan kenaikan harga.

Selat Hormuz, laluan air sempit di pintu masuk Teluk Parsi,

menghubungkan pengeluaran minyak dan LNG Timur Tengah ke pasaran global melalui Teluk Oman dan Lautan Hindi.

Kira-kira 20 peratus eksport LNG global melalui laluan strategik itu. Qatar - antara pengeksport LNG terbesar dunia - menghantar hampir keseluruhan eksport LNG mereka melalui selat berkenaan kepada pembeli antarabangsa.

Walaupun Republik Rakyat China dan negara Asia lain merangkumi sebahagian besar

kargo LNG yang melalui Hormuz, sebarang gangguan bekalan berpotensi memberi kesan kepada pasaran gas global, sekali gus mendorong harga lebih tinggi khususnya di Eropah.

Menambah tekanan kenaikan harga itu, tahap simpanan gas Eropah telah jatuh di bawah 30 peratus. Inventori simpanan yang lebih rendah meningkatkan kebergantungan benua itu terhadap import LNG daripada pasaran antarabangsa, sekali gus memburukkan lagi sensitiviti terhadap gangguan bekalan global. - ©BERNAMA

## Mahkamah Rayuan AS tolak tangguh saman bayaran balik tarif Trump

**WASHINGTON, 3 Mac.** - Sebuah mahkamah rayuan persekutuan pada Isnin menolak permohonan untuk menangguhkan tindakan undang-undang yang difailkan bagi menuntut bayaran balik tarif yang diputuskan oleh Mahkamah Agung bulan lalu sebagai dikenakan secara tidak sah oleh Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump, lapor Anadolu Ajansi.

Pentadbiran sebelum ini pada Jumaat memohon agar mahkamah menangguhkan pengeluaran sebarang mandat selama 90 hari,

namun Mahkamah Rayuan Litar Persekutuan menolak permohonan itu dan membenarkan tindakan undang-undang diteruskan di Mahkamah Perdagangan Antarabangsa AS.

Kes itu difailkan oleh sekumpulan lima perniagaan kecil yang menuntut bayaran balik tarif yang telah mereka bayar di bawah dasar tarif global yang diperkenalkan Trump.

Mahkamah Agung dalam keputusan 6 - 3 memutuskan bahawa Akta Kuasa Ekonomi Kecemasan Antarabangsa

(IEEPA), yang sebelum ini menjadi asas perundangan bagi langkah tarif Trump, tidak memberikan kuasa kepada presiden untuk mengenakan tarif secara menyeluruh.

Pada hari yang sama, Trump cuba mengatasi keputusan itu dengan mengenakan tarif global 10 peratus di bawah Seksyen 122 Akta Perdagangan 1974. Beliau berkata kadar cukai itu dinaikkan kepada 15 peratus sehari kemudian, namun pegawai Rumah Putih menjelaskan bahawa hanya dekrit 10 peratus yang telah

ditandatangani secara rasmi, manakala sebarang kenaikan kepada 15 peratus akan dilaksanakan pada peringkat kemudian.

Seksyen 122 Akta Perdagangan 1974 membenarkan presiden mengenakan tarif sementara sehingga 150 hari sebagai tindak balas terhadap defisit imbalan pembayaran yang "besar dan serius".

Selepas tempoh 150 hari, Kongres perlu meluluskan tarif berkenaan, walaupun pentadbiran berkata ia akan mencari jalan untuk

mengatasi keperluan itu.

Dalam keputusannya, Mahkamah Agung menyatakan bahawa Perlembagaan "dengan sangat jelas" memberikan kuasa percukaian, termasuk keputusan untuk mengenakan tarif, kepada Kongres dan bukannya presiden.

"Penggubal Perlembagaan tidak memberikan sebarang bahagian kuasa percukaian kepada Cabang Eksekutif," tulis Ketua Hakim John Roberts bagi pihak majoriti, merujuk kepada penggubal Perlembagaan. - ©BERNAMA

## Lebih 2.9 juta hidangan iftar disediakan di Masjid Nabawi dalam tempoh 10 hari pertama Ramadan

**MADINAH, 2 Mac.** - Pihak Berkuasa Am Penjagaan Hal Ehwal Masjid Haram dan Masjid Nabawi menumpukan usaha bagi menyantuni pengunjung sepanjang 10 hari pertama Ramadan 1447 Hijrah, dengan menyediakan perkhidmatan kepada lebih 88,900 penerima manfaat menerusi pusat khidmat tetamu

Masjid Nabawi.

Menurut Agensi Berita Arab Saudi (SPA), lebih 2.9 juta hidangan iftar turut diagihkan di Masjid Nabawi, dengan bantuan lebih 12,095 sukarelawan lelaki dan wanita yang menyediakan khidmat dari segi penyelarasan, bimbingan, kesedaran serta bantuan kemanusiaan.

Pihak berkuasa berkenaan mengulangi komitmen berterusan untuk berkhidmat kepada jemaah di Masjid Nabawi, selain menekankan dedikasinya dalam mengekalkan piawai penjagaan tertinggi untuk pengunjung sepanjang bulan Ramadan. - ©BERNAMA

## Pertamina tegaskan bekalan bahan api, LPG stabil

**JAKARTA, 2 Mac.** - Syarikat tenaga nasional Republik Indonesia, Pertamina memberi jaminan bahawa bekalan bahan api dan gas petroleum cecair (LPG) negara itu mencukupi untuk orang ramai, walaupun ketegangan geopolitik semakin memuncak di Timur Tengah.

Naib Presiden Komunikasi Korporat Pertamina Muhammad Baron berkata syarikat itu sentiasa memantau perkembangan tenaga global dan telah menjalankan usaha mitigasi untuk memastikan aliran rantaian bekalan global lancar serta melindungi daya tahan tenaga negara.

"Sebagai syarikat tenaga bersepadu, Pertamina mempunyai portfolio pelbagai minyak mentah, produk bahan api dan sumber bekalan LPG, baik daripada pengeluaran domestik dan daripada pelbagai negara rakan kongsi.

"Kepelbagaian ini memberikan fleksibiliti dalam pengurusan

bekalan ketika ketegangan geopolitik," katanya dalam kenyataan.

Muhammad berkata Pertamina juga sedang mengoptimalkan operasi penapisan domestik untuk mengekalkan keseimbangan antara pengeluaran dan pendedaran.

"Dengan pengurusan bekalan bersepadu dari hulu ke hilir, syarikat memastikan ketersediaan bahan api dan LPG untuk orang ramai kekal terjamin, mencukupi dan terkawal.

"Sebagai barisan hadapan tenaga negara, Pertamina mengetatkan pengawasan dan berusaha untuk memastikan ketahanan bekalan minyak mentah, bahan api dan LPG kekal terjamin bagi memenuhi keperluan semua rakyat Republik Indonesia," katanya.

Muhammad berkata Pertamina telah mengenal pasti tiga unit perniagaan strategiknya yang terdedah secara langsung kepada

ketegangan di rantau itu.

Ini, katanya, termasuk PT Pertamina International Shipping khususnya aktiviti pengangkutan tenaga global bebas, Pertamina Internasional EP yang mengendalikan aset minyak dan gas hulu di Basra, Iraq dan PT Pertamina Patra Niaga yang bertanggungjawab atas pemerolehan minyak mentah dan produk petroleum daripada sumber di Timur Tengah.

"Semua kakitangan, operasi dan armada yang terletak di kawasan Timur Tengah sedang dipantau rapi.

"Pertamina juga telah menyediakan langkah mitigasi risiko dan memperkukuh komunikasi dengan Kementerian Luar Negeri, Kedutaan Besar Republik Indonesia, Konsulat Jeneral Republik Indonesia dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan kelancaran operasi dan keselamatan anak kapal," katanya. - ©BERNAMA

## Maersk gantung operasi kargo melalui Selat Hormuz hingga diberitahu kelak

**MOSCOW, 2 Mac.** - Syarikat pengangkut kargo terbesar di dunia, Maersk, pada Ahad mengumumkan penggantungan operasi melalui Selat Hormuz tanpa had tempoh berikutan konflik yang melanda rantau berkenaan.

"Kami menggantung semua lintasan kapal di Selat Hormuz sehingga diberitahu kelak," menurut syarikat berpangkalan di Denmark itu dalam satu kenyataan di laman sesawangnya, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Pada Sabtu, Amerika Syarikat (AS) dan Israel melancarkan serangan ke atas Republik Islam Iran yang mengakibatkan kerosakan serta kematian orang awam, termasuk di Tehran.

Republik Islam Iran bertindak balas dengan melancarkan serangan peluru berpandu ke wilayah Israel serta ke atas infrastruktur ketenteraan AS di Timur Tengah. - ©BERNAMA

## Arab Saudi sediakan lebih 33,000 perkhidmatan kesihatan kepada jemaah umrah

**RIYADH, 2 Mac.** - Sektor kesihatan Arab Saudi menyediakan perkhidmatan menyeluruh kepada jemaah umrah dengan sebanyak 33,944 perkhidmatan penjagaan kesihatan, sejak awal musim Umrah 1447 Hijrah/2026 hingga hari kesepuluh Ramadan, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Usaha itu adalah sebahagian daripada sistem bersepadu bertujuan memudahkan akses kepada penjagaan kesihatan berdasarkan piawai kualiti dan keselamatan tertinggi, meningkatkan pengalaman kesihatan keseluruhan jemaah dan membolehkan mereka beribadah dengan lancar dan yakin.

Perkhidmatan itu selaras dengan objektif Program Transformasi Sektor Kesihatan dan Program Pengalaman Jemaah berasaskan Wawasan Saudi 2030.

Usaha berkenaan diteruskan menerusi penyelarasan rapat antara pelbagai komponen ekosistem kesihatan untuk memastikan kualiti dan kemampuhan perkhidmatan.

Kementerian Kesihatan melaksanakan peranan penyeliaannya untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan selaras dengan objektif strategiknya, di samping fungsi kawal selia untuk mengukuhkan pematuhan piawai yang diluluskan, sekali gus memperkukuh disiplin perkhidmatan dan kualiti untuk para jemaah. - ©BERNAMA



## PERUBAHAN TARIKH PERLAWANAN LIGA SUPER MALAYSIA

■ Siaran Akhbar : Pengurusan DPMM FC

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Mac. - DPMM FC Brunei Darussalam dalam kenyataan ingin memaklumkan bahawa terdapat pertukaran tarikh bagi perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang

melibatkan DPMM FC menentang Johor Darul Ta'zim FC.

Perlawanan yang sebelum ini dijadualkan pada 14 Mac 2026 telah dipinda ke tarikh baharu iaitu pada Ahad, 15 Mac 2026,

bermula pukul 9.30 malam di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Segala butiran lain berkaitan perlawanan adalah tidak berubah.

Pihak pengurusan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin timbul akibat pertukaran ini dan amat menghargai kefahaman serta sokongan berterusan

daripada para penyokong.

Sehubungan itu, para penyokong dan pencinta bola sepak adalah dijemput untuk hadir beramai-ramai ke stadium bagi memberikan sokongan padu kepada pasukan dan memeriahkan suasana perlawanan.

## Schumacher mahu bangkit selepas debut IndyCar yang mengecewakan

**BERLIN**, 2 Mac. - Bekas pemandu Formula 1 (F1), Mick Schumacher, mahu melupakan debutnya yang mengecewakan dalam IndyCar pada hujung minggu lepas, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Walaupun bukan kesalahan di pihaknya, Schumacher terpaksa menarik diri selepas terbabit dalam kemalangan pada pusingan pertama perlumbaan pembukaan musim, Grand Prix St Petersburg di Florida.

"Saya memandang ke hadapan, bukan ke belakang dan akan cuba memahami apa yang boleh kami lakukan dengan lebih baik," katanya.

"Sasaran kami hanyalah untuk menamatkan perlumbaan, mungkin melengkapkan semua pusingan. Namun keputusannya jauh daripada itu dan ia sangat malang," kata anak lelaki kepada juara dunia tujuh kali, Michael Schumacher.

"Tetapi kami masih mempunyai 17 perlumbaan lagi. Ini baharu yang pertama, hanya permulaan. Saya menantikan baki musim ini," tegas Mick Schumacher.

Schumacher menyertai Rahal Letterman Lanigan Racing awal tahun ini. Beliau memandu dalam F1 pada 2021 dan 2022 bersama Haas, namun kontraknya tidak disambung dan beliau juga gagal mendapatkan pasukan baharu.

Beliau sebelum ini beraksi dalam Kejohanan Endurance Dunia (WEC) pada 2024 dan 2025 bersama Alpine. - ©BERNAMA

## Kelayakan Piala Dunia Hoki Wanita : Speedy Tigress dibelasah Ireland

**KUALA LUMPUR**, 3 Mac. - Pasukan hoki wanita negara memulakan kempen kelayakan Piala Dunia 2026 dengan langkah kiri apabila tewas 0 - 5 kepada Ireland, awal pagi tadi.

Pada aksi yang berlangsung di Santiago, Chile, kedua-dua pasukan dilihat sama kuat apabila seri tanpa jaringan pada suku pertama.

Bagaimanapun, Ireland berjaya membolosi gawang skuad Speedy Tigress pada suku kedua menerusi jaringan padang Kathryn Mullan pada minit ke-21, sebelum Caoimhe Perdue menggandakan kedudukan selang tiga minit kemudian menerusi gol pukulan sudut penalti, sekali gus menutup aksi separuh masa pertama 2 - 0.

Memasuki babak kedua pasukan Ireland terus membolosi gawang negara apabila menambah dua gol pada suku ketiga menerusi gol padang Sarah Mcauley dan Michelle Carey masing-masing pada minit 34 dan 37.

Roisin Upton melengkapkan pesta gol Ireland apabila menjangkan gol padang pada minit ke-40 untuk memastikan kemenangan bergaya 5

- 0.

"Kita bermula dengan baik sebenarnya tadi melawan Ireland. Seketika kita dapat menyekat mereka namun akibat kesilapan diri sendiri dan kurang disiplin dari segi teknikal dan taktikal menyebabkan kita dihukum lawan terutamanya serangan balas daripada Ireland.

"Jadi saya betul-betul mengharapkan pemain segera pulih daripada kekalahan dan kita ada cukup masa 24 jam menjelang perlawanan seterusnya melawan Kanada esok untuk kita guna sebaiknya," kata Ketua Jurulatih Pasukan Hoki Wanita, Mohd. Nasihin Nubli menerusi video yang dikongsikan Konfederasi Hoki Malaysia hari ini.

Skuad negara selepas ini akan turun menentang Kanada pada 4 Mac sebelum menamatkan saingan peringkat Kumpulan B menentang Jepun pada 6 Mac.

Berdasarkan format pertandingan dua pasukan terbaik setiap kumpulan iaitu A dan B akan mara ke pusingan separuh akhir. - ©BERNAMA

## PSM senarai 6 muka baharu sertai Program Podium 2026

**KUALA LUMPUR**, 3 Mac. - Persekutuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) menyenarai enam muka baharu daripada 21 pemain skuad lelaki dalam Program Podium 2026 bagi menghadapi kalendar kejohanan penting tahun ini.

Setiausaha Agung PSM, Datuk Abidullah Salleh menerusi kenyataan memaklumkan pemilihan akhir senarai berdasarkan penilaian merangkumi aspek prestasi

semasa, konsistensi permainan, tahap kecergasan fizikal, disiplin latihan, komitmen terhadap program pusat serta kesesuaian taktikal mengikut keperluan acara yang dipertandingkan.

"Penilaian menyeluruh telah dijalankan oleh barisan kejurulatihan kebangsaan bersama Jawatankuasa Teknikal PSM secara profesional dan berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan," katanya dalam kenyataan yang

dikeluarkan PSM hari ini.

Antara yang mencuri tumpuan ialah Muhammad Fahmi Khalid selaku tekong, selain Muhammad Nazrein Daniel Mohd Kamal Mustafa dan Muhammad Wazir Madi di posisi apit kanan yang dilihat mampu menyuntik tenaga segar dalam struktur pasukan.

Turut disenaraikan sebagai pengumpan ialah Zuhri Muhammad Zin, Mohammad Kamarul Ezzad Mohammad

Kamarul Imran dan Muhammad Zulfikri Wajawwa Muhammad Zulhanifa bagi memberi saingan sengit kepada pemain senior, sekali gus merencanakan perebutan tempat dalam kesebelasan utama.

Dalam pada itu, Abidullah berkata kemasukan beberapa pemain baharu dibuat selepas mereka mempamerkan aksi cemerlang di pentas domestik dan langkah itu selari dengan perancangan strategik

pembangunan prestasi tinggi bagi memperkukuh acara berpasukan, regu dan kuadran.

Bagi skuad wanita pula, empat pemain baharu melengkapkan senarai 12 pemain Program Podium tahun ini. Beliau berkata kesemua senarai berkenaan telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Majlis Sukan Negara dan PSM yang dijalankan semalam. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

REBUT PELUANG MENDAMPINGI AL-QURAN DI BULAN RAMADAN